

**PERBANDINGAN GAYA PENGAJARAN GURU  
TAHAP SATU DAN GURU TAHAP DUA  
SEKOLAH RENDAH**

AHMAD NASRI BIN NAYAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2011

PERBANDINGAN GAYA PENGAJARAN GURU  
TAHAP SATU DAN GURU TAHAP DUA  
SEKOLAH RENDAH

AHMAD NASRI BIN NAYAN

KERTAS PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UUM  
COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN (KURIKULUM & PENGAJARAN)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2011

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 24 Februari 2011

Tandatangan:

Nama : Ahmad Nasri Bin Nayan

No. Matrik : 803208

## KEBENARAN MENGGUNA

Dengan ini saya membenarkan mana-mana pihak yang berhasrat untuk menjadikan kertas projek sarjana ini sebagai rujukan bagi kajian-kajian akan datang.

Tarikh: 24 Februari 2011

Tandatangan :

Nama : Ahmad Nasri Bin Nayan

No. Matrik : 803208

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya maka saya beroleh kekuatan dalam menyediakan penulisan kertas projek sarjana ini .

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan sekalung budi kepada penyelia kajian ini, Prof. Madya Dr Mohd Izam B Mohd Ghazali atas bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan idea sepanjang tempoh penyelidikan ini. Segala ilmu dan kemahiran yang dicurahkan akan digunakan sebaik mungkin.

Kerjasama daripada pensyarah yang mengajar pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, pemeriksa projek ini, amatlah dihargai.

Akhir kata, kepada ayah dan ibu, isteri dan anak-anak serta rakan-rakan, pengorbanan dan bantuan kalian sungguh besar maknanya buat saya, hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya.

Sekian.

Ahmad Nasri Bin Nayan

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan terhadap 30 orang guru sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda, Sik, Kedah Darul Aman. Soal selidik diubah suai daripada Skala Gaya Pengajaran Grasha. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 16.0 (*Statistical Packages for Social Science version 16.0 for Windows*) yang mengandungi statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati guru sekolah rendah mengamalkan kelima-lima gaya pengajaran yang dikaji. Terdapat tiga gaya pengajaran yang kerap digunakan oleh guru iaitu gaya Autoriti Formal, gaya Pakar dan gaya Delegator. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi gaya pengajaran guru berdasarkan tahap kelas yang diajar, opsyen, subjek dan pengalaman mengajar. Kesimpulannya, guru sekolah rendah menggunakan kelima-lima gaya pengajaran yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran murid.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to determine teaching styles among teachers teaching at level 1 and level 2 in a primary school. This research uses the questionnaire method given to 30 teachers of Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda. The questionnaire s adopted from Grasha Teaching Style. The data collected was analyzed using SPSS Software (Statistical Packages for Social Science) version 16.0 for Windows using descriptive and inferential statistics. The result of the research shows that were used more often that the others. They are the formal authority style, the expert style and the delegating style. t-Test analysis shows that there is no significant difference in the teachers' teaching style based on class level, options, subject and experiences. As a conclusion, teachers in the primary school use all five teaching styles which have been adapted to the learning styles of their pupils.

## KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT ( Terjemahan)	iv
KANDUNGAN	v
BAB I PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kerangka konseptual kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.10 Penutup	10
BAB II SOROTAN KARYA	
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Kepentingan gaya pengajaran guru	13
2.3 Teori Pengajaran dan Pembelajaran	13
2.3.1 Teori Konstruktivisme	13
2.3.2 Teori Kontekstual	15
2.4 Kaedah Pengajaran Berpusatkan Pelajar	17
2.5 Jenis-jenis gaya pengajaran	19
2.5.1 Spektra Gaya Pengajaran	19
2.5.2 Model Flanders	20
2.5.3 Model Bernet	21



2.5.4	Model Kramlinger dan Huberty	22
2.5.5	Model Grasha-Riechmann	23
2.6	Kajian-kajian lepas	27
2.7	Penutup	30

### BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	31
3.2.	Rekabentuk kajian	31
3.3	Populasi dan Sampel	32
3.4	Pemilihan Sampel	34
3.5	Instrumen Kajian	35
3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Prosedur kajian	38
3.8	Analisis Data	38
3.9	Penutup	39
3.10	Jadual Ringkasan	40

### BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	42
4.2	Demografi Sampel Kajian	43
4.3	Perbandingan gaya pengajaran guru sekolah rendah	45
4.3.1	Soalan Kajian 1	45
4.3.2	Soalan Kajian 2	47
4.3.3	Soalan Kajian 3	49
4.3.4	Soalan Kajian 4	51
4.3.5	Soalan Kajian 5	54
4.3.6	Soalan Kajian 6	57

4.4	Penutup	58
-----	---------	----

## BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	59
5.2	Perbandingan gaya pengajaran guru sekolah rendah keseluruhannya	60
5.3	Perbandingan gaya pengajaran guru Tahap Satu dan Tahap Dua	63
5.4	Perbandingan gaya pengajaran guru lelaki dan wanita	65
5.5	Perbandingan gaya pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen	66
5.6	Perbandingan gaya pengajaran guru berpengalaman	68
5.7	Gaya pengajaran yang kurang digemari	71
5.8	Kesimpulan	74
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	75
	RUJUKAN	76
	LAMPIRAN A SOAL SELIDIK KAJIAN	79
	LAMPIRAN B SURAT KEBENARAN	83
	LAMPIRAN C OUTPUT KAJIAN RINTIS	86
	LAMPIRAN D OUTPUT STATISTIK KAJIAN	91
	LAMPIRAN E SENARAI RAJAH/JADUAL	106

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Penyampaian pengajaran guru di dalam bilik darjah di sekolah mempunyai impak yang mendalam terhadap keberkesanan proses pembelajaran pelajar. Pencapaian akademik pelajar banyak dipengaruhi oleh tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, namun begitu seorang guru yang profesional dan prihatin dengan tugas mengajarnya perlu peka dengan elemen yang boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Mok (2001), menyatakan pengajaran merujuk kepada cara atau kegiatan guru mata pelajaran untuk menerapkan pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar bagi tajuk yang diajar.

Guru berperanan untuk berkongsi maklumat mengenai ilmu pengetahuan dan menunjukkan bagaimana maklumat boleh digunakan bagi menerokai idea dan menghadapi masalah. Oleh itu pengajaran adalah aktiviti-aktiviti yang bermatlamat dan mempunyai tujuan di mana pendidik berkongsi maklumat dengan pelajar bagi

mbolehkan mereka menyempurnakan sesuatu tugas yang tidak boleh disempurnakan sendiri sebelum itu (Shahabuddin *et al.*, 2003).

Gaya pengajaran adalah pendekatan yang diambil oleh seseorang guru untuk mengajar pelajar dan biasanya menggambarkan pegangan seseorang guru mengenai pengajaran. Felder (1993) menyatakan gaya pengajaran adalah cara seseorang mengamati dan memproses sesuatu maklumat untuk disampaikan kepada seseorang yang lain. Sesetengah guru banyak memfokuskan kepada fakta, data dan pengiraan, manakala ada yang menggunakan teori-teori dan model pengajaran tertentu. Terdapat juga guru yang memfokuskan kepada bentuk verbal seperti perkataan dan lisan dan juga secara interaktif. Perbezaan-perbezaan ini merupakan satu aset kepada para guru seandainya ia digunakan secara maksimum.

Grasha (1996) menyatakan gaya pengajaran bukan sahaja terdiri daripada pengajaran secara langsung dan pengajaran secara tidak langsung. Kajian yang dijalankan oleh beliau telah mengenal pasti lima gaya pengajaran iaitu gaya pengajaran Pakar, gaya pengajaran Autoriti Formal, gaya pengajaran Model Personal, gaya pengajaran pemudahcara dan gaya pengajaran Delegator. Perbezaan gaya pengajaran ini merupakan satu aset kepada para guru dimana mereka boleh menggunakan kepelbagaian gaya mengajar dengan semaksimum mungkin untuk pencapaian akademik yang cemerlang dalam kalangan para pelajar setelah mereka menyedari kekuatan pelajar tersebut.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Bermula tahun 2011, semua sekolah akan menggunakan satu kurikulum baru yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum ini akan dijalankan secara berperingkat di seluruh Malaysia bermula tahun 2011 untuk murid tahun satu. Kurikulum ini selaras dengan perkembangan dan permintaan semasa yang menuntut modal insan yang lebih berkualiti sejajar dengan zaman yang serba maju dan canggih kini.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berjaya memerlukan strategi pengajaran yang baik dan tersusun. Guru harus menguasai ilmu pedagogi dan menjadi seorang yang profesional dengan mengamalkan pelbagai kaedah dan elemen tertentu bagi menghasilkan pengajaran yang baik dan berkesan. Antara elemen yang perlu dititikberatkan ialah mengenal pasti objektif pengajaran yang hendak dicapai oleh pelajar-pelajar semasa atau selepas pengajaran, isi pelajaran, bahan bantú mengajar, strategi pengajaran, gaya pengajaran, kawalan kelas, iklim bilik darjah, komunikasi guru dengan pelajar, interaksi dalam kelas, motivasi bagi pelajar, penutup pengajaran dan penilaian.

Menurut Peterson (1992), keberkesanan pengajaran adalah hasil teknik pengajaran yang terancang dengan memikirkan dan memilih sebelum memulakan pengajaran. Dengan ini, guru memerlukan strategi dan gaya pengajaran yang berkesan untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas.

Heinich *et al.* (1993) menyatakan gaya pengajaran merupakan faktor yang perlu diambil kira semasa proses pembelajaran pelajar di mana kebolehan guru menggunakan pelbagai kaedah dan media adalah sangat penting. Manusia dilahirkan dengan pelbagai tahap kecerdasan. Ada yang lemah, sederhana dan tinggi tahap kecerdasannya. Oleh itu, penerimaan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas adalah berbeza-beza mengikut tahap kecerdasan masing-masing. Guru-guru haruslah peka dalam situasi ini dan pandai memilih gaya pengajaran yang sesuai mengikut tahap kecerdasan pelajar.

Glasman (1991) menyatakan hasil kajian mendapati faktor guru adalah penting dan perlu diambil kira dalam mewujudkan suasana pembelajaran sekolah yang berkesan. Bagi menjamin kejayaan setiap pelajar dalam pelajarannya, guru sepatutnya mengenali dan menghormati para pelajar. Dengan secara tidak langsung guru mudah untuk memilih gaya pengajaran yang sesuai dengan tahap pelajar.

Secara ideal, setiap pelajar hendaklah dibantu mengikut tahap kemampuan masing-masing. Dengan ini, aspek gaya pengajaran harus diberi tumpuan bagi merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mementingkan keseimbangan dari segi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Grasha (1996) menghuraikan gaya pengajaran sebagai orientasi dan strategi yang digunakan oleh guru. Terdapat pelbagai perbezaan gaya mengajar dalam kalangan para guru. Terdapat guru yang mesra kepada pelajar dan banyak menasihati dan mengajar dengan cara yang lebih bertolak ansur dengan pelajar.

Sementara itu, terdapat guru yang lebih menekankan peraturan dalam kelas dan mengajar pelajarnya mengikut perancangan dengan tegas. Secara kesimpulannya, berdasarkan pendapat-pendapat tersebut, dapat dilihat bahawa guru menggunakan pendekatan tertentu dalam pengajaran mereka yang membawa kepada gaya pengajaran yang berbeza. Terdapat guru yang lebih cenderung kepada berpusatkan guru dan ada yang lebih kepada berpusatkan pelajar. Ada di antara gaya pengajaran guru sesuai kepada pelajar tertentu atau pengajaran topik tertentu sahaja. Guru akan memilih gaya yang selesa dengan dirinya dan perlu dipertimbangkan kesesuaian dengan pelajar (Esah, 2003).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Tugas guru yang mendidik dan membentuk manusia yang mempunyai perbezaan dari segi kebolehan kognitif, efektif dan psikomotor menuntut kebolehan dan keupayaan yang tinggi. Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab membangunkan intelek dan sahsiah muridnya, mereka haruslah peka kepada pelbagai gaya pengajaran yang berkesan khusus untuk perbezaan tahap kognitif pelajar yang pelbagai. Sekiranya guru mengamalkan pendekatan yang berbeza bagi tahap pencapaian akademik pelajar yang berbeza, ilmu pengetahuan yang disampaikan akan mudah difahami. Sehubungan dengan itu, penyelidik berminat untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru menurut Grasha (1996) yang terbahagi kepada lima gaya iaitu gaya pengajaran Pakar, gaya pengajaran Autoriti Formal, gaya pengajaran Model Personal, gaya pengajaran Fasilitator dan gaya pengajaran Delegator dengan tahap kelas yang diajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- (i) Mengenal pasti gaya pengajaran yang wujud dalam kalangan guru-guru mengikut teori gaya pengajaran Grasha,
- (ii) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran guru mengikut tahap kelas yang diajar,
- (iii) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran guru mengikut jantina,
- (iv) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran dalam kalangan guru opsyen dan bukan opsyen,
- (v) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran mengikut pengalaman mengajar,
- (vi) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran mengikut subjek yang diajar.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Menurut Mohd Majid (2004), persoalan kajian adalah saranan sementara yang menjelaskan sesuatu fenomena yang dikaji sebagai penyelesaian masalah. Ini membolehkan penyelidik mengaitkan teori dengan cerapan. Justeru itu, di dalam kajian ini persoalan-persoalan kajian adalah:


- (i) Apakah gaya pengajaran yang wujud dalam kalangan guru-guru mengikut teori gaya pengajaran Grasha ?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran dalam kalangan guru tahap satu dan tahap dua ?



- (iii) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru mengikut jantina?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran dalam kalangan guru opsyen dan bukan opsyen?
- (v) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru mengikut pengalaman?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru mengikut subjek yang diajar?

## **1.6 Kerangka konseptual kajian**

Kerangka konseptual kajian adalah berpandukan Model Gaya Pengajaran Grasha (1996). Model Grasha ini juga digunakan penyelidik seperti Noriah et al. (1999), Roslind (2003) dan Ruslin (2008). Menurut Grasha (1996), gaya pengajaran dikategorikan kepada lima kategori utama, iaitu gaya Pakar, Autoriti Formal, model personal, Fasilitator dan Delegator. Berdasarkan Rajah 1, kerangka konseptual kajian gaya pengajaran guru tahap satu dan tahap dua terbahagi kepada lima kategori tersebut. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar yang digunakan meliputi gaya pengajaran guru manakala faktor demografi guru seperti subjek yang diajar, tahap kelas yang diajar, jantina, opsyen serta pengalaman pula merupakan pemboleh ubah bebas. Faktor demografi guru akan dikaji bagi menentukan gaya pengajaran yang digunakan oleh guru.



RAJAH 1 : Kerangka konseptual kajian diadaptasikan daripada Model Pengajaran Grasha (1996)

### 1.7. Kepentingan Kajian:

Memandangkan belum banyak kajian dibuat tentang gaya pengajaran guru di sekolah rendah, adalah diharapkan agar dapatan kajian ini dapat menyumbangkan satu penemuan baru dan menambah khazanah ilmu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran subjek sekolah rendah di Malaysia. Ia dapat dijadikan satu tapak permulaan atau asas ilmu untuk digunakan oleh penyelidik-penyelidik masa hadapan yang menjalankan kajian tentang teknik-teknik paling berkesan untuk meningkatkan pencapaian UPSR dalam kalangan murid sekolah rendah di negara ini. Kajian seumpama ini masih berkurangan di Malaysia dan selama ini apa yang diamalkan oleh guru-guru matapelajaran sekolah rendah adalah berdasarkan kajian-kajian Barat, bukan

kajian tempatan. Masalah silang budaya menyukarkan proses aplikasi dapatan kajian Barat ini ke dalam konteks pembelajaran di Malaysia.

Menurut Dimmock dan Walker (2000) kebanyakan penyelidik lebih cenderung untuk membuat generalisasi secara dangkal tentang dasar dan amalan yang dipraktikkan oleh negara-negara yang berbeza. Tindakan ini adalah “...jahil dan mengelirukan tanpa memahami secara mendalam tentang konteks, sejarah dan budaya yang telah terbina di negara berkenaan” (Dimmock & Walker, 2000: 144. Terjemahan penyelidik). Oleh yang demikian adalah dirasakan perlu agar kajian-kajian seperti ini diperbanyakkan lagi untuk mendapat gambaran yang lebih komprehensif tentang perlunya penguasaan kemahiran proses sains oleh murid-murid diperingkat sekolah rendah sebelum ianya diamalkan secara intensif di sekolah-sekolah. Maka kajian ini adalah bertepatan dengan saranan yang dibuat Dimmock dan Walker (2000).

### **1.8. Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di daerah Sik, Kedah Darul Aman. Sekolah ini amat sesuai sebagai kes kajian kerana ini merupakan kawasan yang terdekat dengan sumber-sumber penyelidikan. Dalam kajian ini melibatkan guru-guru yang mengajar dari tahun satu hingga tahun enam. Terdapat 12 buah kelas serta 35 orang guru yang mengajar di sekolah ini.

Kajian ini menggunakan Skala Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann (1996) dengan sedikit pengubahsuaian. Penyelidik menggunakan model ini kerana lebih menfokuskan kepada proses dalam pengajaran dan pembelajaran serta melihat satu-satu proses tingkah laku guru dalam sudut yang pelbagai.

## **1.9 Penutup**

Kajian gaya pengajaran ini direka bentuk bertujuan untuk mengenal pasti gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah. Kesimpulannya, gaya pengajaran memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran murid demi mencapai kejayaan.

## **BAB II**

### **SOROTAN KARYA**

#### 2.1 Pengenalan

Gaya pengajaran adalah pendekatan yang diambil oleh tenaga pengajar untuk mengajar pelajar-pelajarnya dan biasanya menggambarkan pegangannya mengenai pengajaran. Dengan mengetahui pendekatan pengajaran, tenaga pengajar mempunyai peluang memilih pendekatan yang sesuai dengan pelajar mereka. Menurut Ee (1987), pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai akan membawa kepada pengajaran yang berkesan serta pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

Tuckman (1992) melalui penyelidikan yang memadankan gaya pembelajaran dengan gaya pengajaran telah menunjukkan bahawa terdapat kolerasi yang signifikan antara cara belajar pelajar dengan kaedah penyampaian pengajaran guru. Serasin (1998) juga menyatakan bahawa pendidik seharusnya boleh mengubah strategi pengajaran mereka berdasarkan gaya pembelajaran pelajar. Pada masa kini, terdapat banyak model gaya pengajaran yang boleh dijadikan panduan kepada para pensyarah untuk merancang proses P&P mereka. Biasanya pensyarah akan memilih gaya yang selesa dengan

dirinya (Esah, 2003). Namun begitu adalah penting juga dipertimbangkan kesesuaian dengan pelajaranya.

Menurut Felder dan Henriques (1995), kajian-kajian membuktikan bahawa murid belajar melalui pelbagai cara. Sesetengahnya belajar melalui penglihatan dan pendengaran. Ada antaranya belajar melalui maklum balas dan tindakan. Sementara yang lainnya pula belajar menggunakan pemikiran dan gerak hati. Terdapat juga murid yang memberi tumpuan kepada ingatan dan gambaran. Oleh itu gaya dan kaedah pengajaran guru matapelajaran juga perlu pelbagai bagi memastikan kesannya terhadap pencapaian akademik murid. Justeru, sebanyak mana murid mendapat hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tidak bergantung kepada keupayaan semula jadi murid dan kesediaan semata-mata, tetapi juga bergantung kepada gaya dan kesesuaian ciri-ciri pendekatan guru dalam pengajaran.

Pendapat ini telah dipersetujui oleh Grasha dan Hicks (2000) yang telah menyatakan sesungguhnya untuk menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, fokus yang diberikan kepada gaya pembelajaran murid semata-mata tidak memadai. Sebaliknya gaya pengajaran guru juga perlu dititikberatkan kerana gaya pengajaran juga penting bagi menjamin keberkesanan pencapaian akademik murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## 2.2. **Kepentingan gaya pengajaran guru.**

Beberapa kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran yang serasi dengan gaya pembelajaran murid secara signifikan dapat memperbaiki pembelajaran, sikap, tingkah laku dan motivasi murid (lihat Felder & Henriques 1995; Tudor 1996; Hyland 1993; Hersey et al. 1992). Kesan penyesuaian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting terhadap pencapaian akademik murid. Penyesuaian murid dengan guru dan bahan pengajaran berdasarkan gaya kognitif dapat membantu murid mencapai kemahiran dan mendapat motivasi yang berterusan. Kajian beliau ini penting kepada guru kerana pembelajaran tidak akan berlaku sekiranya murid tidak berminat dengan gaya pengajaran yang guru gunakan.

## 2.3. **Teori Pengajaran dan Pembelajaran**

### 2.3.1 Teori Konstruktivisme

Konstruktivisme merupakan teori pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia dan telah lama dipraktikkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah. Pelajar perlu bina sesuatu pengetahuan itu mengikut pengalaman masing-masing. Pembelajaran adalah hasil daripada usaha pelajar itu sendiri dan guru tidak boleh belajar untuk pelajar. Blok binaan asas bagi ilmu pengetahuan sekolah ialah satu skema iaitu aktiviti mental yang digunakan oleh pelajar sebagai bahan mentah bagi proses renungan dan pengabstrakan.

Fikiran pelajar tidak akan menghadapi realiti yang wujud secara terasing dalam persekitaran. Realiti yang diketahui pelajar adalah realiti yang dia bina sendiri. Pelajar sebenarnya telah mempunyai satu set idea dan pengalaman yang membentuk struktur kognitif terhadap persekitaran mereka.

Untuk membantu pelajar membina konsep atau pengetahuan baru, guru harus mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat baru telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat mereka, barulah kerangka baru tentang sesuatu bentuk ilmu pengetahuan dapat dibina. Pandangan mengenai proses ini dinamakan konstruktivisme. Untuk membantu pelajar membina konsep atau pengetahuan baru, guru harus mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka.

Menurut Chong (2008), ciri- ciri pembelajaran secara konstruktivisme ialah :

- i. Pembelajaran berpusatkan murid,
- ii. Fokus kepada pembelajaran bukan pengajaran,
- iii. Guru sebagai Fasilitator,
- iv. Belajar sebagai satu proses pembelajaran,
- v. Menyokong pembelajaran secara koperatif,
- vi. Menggalakkan dan menerima daya usaha murid,



- vii. Memberi peluang kepada murid untuk membina memahaminya melalui penglibatan murid sebenar,
- viii. Menggalakkan murid bertanya dan berdialog dengan murid dan guru,
- ix. Menggalakkan proses inkuiri murid melalui kajian dan eksperimen,
- x. Mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana murid belajar sesuatu idea,
- xi. Mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh murid,
- xii. Menggalakkan soalan/idea yang dimulakan oleh murid.

### 2.3.2. Teori Kontekstual

Pengajaran kontekstual membantu pelajar menghubungkan pembelajaran kandungan dengan situasi sebenar dan memotivasikan pelajar untuk membuat perkaitan antara apa-apa yang dipelajari di dalam bilik darjah dan bagaimana pengetahuan ini digunakan dalam kehidupan mereka sebagai warganegara dalam masyarakat. Dalam kaedah ini guru hanya bertindak sebagai pengelola kelas yang membantu pelajar dalam mendapatkan penemuan baru. Proses pembelajaran juga lebih kepada pemusatan pelajar dan bukan pemusatan guru. Menurut Chong (2008), guru digalakkan untuk:

- i. Mengkaji konsep atau teori yang akan dipelajari oleh pelajar,

- ii. Memahami latar belakang dan pengalaman hidup pelajar melalui proses kajian,
- iii. Mengenalpsti kawasan sekolah dan tempat tinggal pelajar yang boleh dikaitkan dengan konsep atau teori pembelajaran kontekstual,
- iv. Merancang pengajaran dengan mengkaitkan konsep atau teori yang dipelajari dengan mengaitkan pengalaman yang dimiliki pelajar dan pengalaman hidup mereka,
- v. Melaksanakan penilaian terhadap pemahaman pelajar, dimana hasilnya nanti dijadikan bahan refeksi terhadap rancangan pembelajaran dan pengajaran.

Pelajar akan menemukan perkaitan bermakna antara idea-idea abstrak dengan aplikasi dalam dunia sebenar, di mana konsep dipelajari, diperkukuhkan dan dibuat perkaitan. Dalam pengajaran kontekstual terdapat lima teknik pembelajaran yang boleh digunakan iaitu strategi REACT. Antara contoh pengajaran kontekstual termasuklah :

- Pembelajaran berasaskan aktiviti
- Pembelajaran *experiential*
- Sesi *hands-on* dan *minds-on* (melakukan dan berfikir)
- Seminar
- Bengkel dan program di mana pelajar melakukan sendiri projek bagi

mendorong naluri ingin tahu pelajar serta menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada mereka.

- Konstruktivisme (*Constructivism*)
- Menemukan (*Inquiry*)
- Bertanya (*Questioning*)
- Masyarakat-belajar (*Learning Community*)
- Pemodelan (*modeling*)
- Refleksi (*reflection*)
- Penilaian yang sebenarnya (*Authentic*)

#### 2.4. Kaedah Pengajaran Berpusatkan Pelajar

Menurut Lim (2007), strategi pemusatan pelajar ini bermaksud pelajar memainkan peranan penting dalam pembelajaran di mana pelajar bertanggungjawab terhadap apa yang diajar dan bagaimana ia dapat dipelajari. Pengajaran di mana tumpuan diberikan kepada pelajar dalam melaksanakan aktiviti pengajaran antara guru dan pelajar. Strategi berpusatkan pelajar dapat menggalakkan pelajar bertanggungjawab dan melibatkan diri bagi membantu mereka memahami bagaimana untuk belajar.

Kaedah ini boleh dilakukan dengan mewujudkan iklim bilik darjah yang dapat memperkembangkan kreativiti pelajar supaya pelajar dapat menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif. Komunikasi berbentuk dua hala antara guru dan pelajar dalam aktiviti soal jawab amat sesuai digunakan apabila maklumat tidak

disampaikan secara berkesan berbanding dengan strategi berpusatkan guru dan matlamatnya adalah untuk memperkembangkan kemahiran pemikiran kreatif serta kritis.

Menurut Lim (2007), dalam strategi ini guru bertindak sebagai Fasilitator dan bertanggungjawab terhadap pelajar dengan memantau aktiviti yang dijalankan. Guru juga tidak bertindak secara autoritatif dengan mengagihkan sedikit kuasanya kepada pelajar. Strategi berpusatkan pelajar mempunyai kelebihan untuk memperkembangkan kebolehan pelajar dalam mengaplikasi konsep, sikap yang positif, mewujudkan motivasi serta memperkembangkan peribadi dalam menggalakkan kemahiran sosial kumpulan. Pembelajaran menekankan kepada pembelajaran sendiri, arahan sendiri dan inkuiri penemuan. Contoh strategi pemusatan pelajar ialah induktif, lakonan, permainan, main peranan, simulasi koperatif, dan sebagainya. Ciri-ciri strategi pengajaran pemusatan pelajar adalah seperti berikut:

- Murid aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran
- Pemindahan pembelajaran berlaku
- Komunikasi dua hala
- Naluri ingin tahu dikembangkan
- Kepimpinan bercorak demokratik
- Mementingkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek
- Kepelbagaian disiplin ilmu
- Menekankan pencapaian objektif pembelajaran murid

- Pembelajaran bercorak pengarahannya sendiri
- Murid lebih kreatif
- Sifat-sifat sosial yang positif seperti bekerjasama, tolong-menolong dan bertolak ansur.

## 2.5. Jenis-jenis gaya pengajaran guru.

### 2.5.1 Spektra Gaya Pengajaran

Menurut Wee (2002), dalam bukunya menyatakan bahawa Spektra Gaya Pengajaran " (*Spectrum of Teaching Styles*) telah diperkenalkan oleh Mosston & Ashworth (1986). "Spektra Gaya Pengajaran " mengenengahkan kerangka pilihan atau opsiyen dalam hubungan guru dan pelajar dan ini berdasarkan kepada pemilihan penting dalam mengambil keputusan (Mosston & Ashworth, 1986). Beliau bahagikan ini kepada tiga kategori yang perlu digunakan iaitu:

- Sebelum pengajaran melibatkan keputusan yang perlu dibuat sebelum pengajaran; persediaan dan pemilihan topik, objektif, organisasi dan penyampaian.
- Semasa pengajaran keputusan mengenai pencapaian dan pelaksanaan.
- Selepas pengajaran penilaian dan maklumbalas daripada pelajar.

Spektra menggabungkan 10 kaedah umum di mana guru dan pelajar masing-masing memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap

tingkah laku yang disengajakan ialah hasil daripada keputusan yang telah dibuat sebelumnya. Gaya atau kaedah pengajaran boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu gaya pengajaran berpusatkan guru dan gaya pengajaran berpusatkan pelajar

### 2.5.2 Model Flanders

Flanders (1970) memperkenalkan tiga gaya pengajaran iaitu pengajaran secara langsung, pengajaran secara tak langsung, dan pengajaran eklektik (dalam Sturt, 2000).

Gaya pengajaran secara langsung menyerupai gaya formal. Antara ciri-cirinya ialah:

- (a) bertindak kepada tingkah laku yang diperhatikan,
- (b) perancangan persekitaran,
- (c) gaya kepimpinan autokratik,
- (d) berpusatkan guru, dan
- (e) mengutamakan kaedah kuliah.

Sebaliknya gaya pengajaran tak langsung lebih berbentuk tak terarah atau berpusatkan murid. Antara sifat-sifatnya ialah:

- (a) laissez faire,
- (b) mempercayai bahawa pelajar mempunyai keinginan semulajadi untuk belajar,
- (c) hubungan guru-murid yang mesra,

- (d) menggalakkan potensi pelajar,
- (e) mencungkil pendapat daripada murid, dan
- (f) pelajar menetapkan peraturan sendiri serta berhak memilih apa yang ingin dipelajari.

Gaya eklektik merupakan kombinasi gaya pengajaran langsung dan gaya pengajaran tak langsung. Di sini, gaya langsung akan digunakan jika gaya tak langsung tidak berhasil. Gaya eklektik lebih bersifat demokratik dan guru yang menggunakan gaya ini mestilah mahir dalam gaya langsung dan gaya tak langsung.

### 2.5.3 Model Bernet

Bernet (1976) telah membahagikan gaya pengajaran kepada dua kategori iaitu gaya formal dan gaya tak formal (dalam Sturt, 2000). Gaya pengajaran formal lebih mementingkan kerja individu daripada kerja kumpulan. Susunan tempat duduk murid ditetapkan oleh guru sendiri. Selain itu, gaya ini juga menghadkan pergerakan murid dan mengutamakan penilaian serta pencapaian sebagai motivasi pembelajaran. Gaya tak formal membenarkan lebih kebebasan kepada murid untuk bertindak dan menentukan aktiviti. Murid-murid bebas memilih susunan tempat duduk. Di samping itu, motivasi lebih mementingkan kepuasan sendiri di mana penilaian dan pencapaian kurang diutamakan.

#### 2.5.4 Model Kramlinger dan Huberty

Selain itu, gaya pengajaran juga diklasifikasikan dari segi perspektif humanisme, behaviourisme dan kognitivisme seperti diutarakan oleh Kramlinger dan Huberty (1990). Humanisme mementingkan pengalaman peribadi di mana guru bertindak sebagai Fasilitator dan menggalakkan pelajar agar berkongsi pengalaman dan pendapat. Teknik-teknik humanis adalah selaras dengan pelajar pragmatik, reflektif dan aktivis. Gaya yang bersifat behaviouris mencorakkan tingkah laku yang dikehendaki melalui ganjaran. Tujuannya ialah untuk memperkukuhkan tingkah laku yang dikehendaki supaya pelajar menguasai tingkah laku itu. Gaya ini didapati sesuai dengan pelajar pragmatik dan aktivis. Gaya yang bersifat kognitivistik menyerupai pendekatan tradisi akademik dan bertujuan mempersembahkan informasi secara logik, biasanya melalui kuliah. Gaya ini sesuai dengan pelajar teoritikal.

Terdapat pendapat yang mengkategorikan gaya-gaya pengajaran guru dari perspektif komunikasi. Contohnya mengikut Center for Teaching Excellence, St. Edward's University, gaya-gaya pengajaran dibahagikan mengikut Organizer, Scholar, "Dreamer", "Socializer", "Performer" dan "Salesperson". Cara seorang menyampaikan isi kandungan pelajaran bergantung kepada gaya komunikasinya. Berlandaskan teori personaliti, gaya pengajaran dianalisis dengan menggunakan MBTI yang mengategorikan gaya-gaya pengajaran kepada enam belas kategori. Kesemuanya diukur dengan empat dimensi iaitu Ekstravert-Intravert, Sensing-iNtuition, Thinking-Feeling,



dan Judgemental-Persepsi (Sturt, 2000). Jenis personaliti yang dianggap unggul bagi seseorang guru ialah jenis eNFj.

#### **2.5.5. Model Grasha-Riechmann**

Menurut Model Grasha, terdapat pelbagai gaya pengajaran guru iaitu gaya Pakar, gaya Autoriti Formal, gaya Model Personal, gaya Fasilitator dan gaya Delegator dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanapun, terdapat gaya pengajaran dan pembelajaran yang lebih dominan berbanding dengan gaya pengajaran yang lain. Mengikut urutan, gaya pengajaran yang paling dominan adalah gaya Model Personal, gaya Fasilitator, gaya Delegator, gaya Autoriti Formal dan paling kurang dominan ialah gaya pengajaran Pakar.

##### **i. Gaya Model Personal**

Menurut Grasha (1996), gaya Model Personal merupakan gaya pengajaran yang paling dominan digunakan oleh guru. Gaya ini didapati telah digunakan secara dominan dalam pengajaran kursus-kursus di semua peringkat pengajian berbanding dengan lain-lain gaya. Kajian Roslind (2003) yang melihat pola gaya pengajaran guru juga mendapati bahawa gaya Model Personal juga telah muncul sebagai gaya pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru-guru yang mengajar matapelajaran bahasa . Ini diikuti gaya Fasilitator, gaya Autoriti Formal, gaya Delegator dan gaya yang paling rendah skor minnya ialah gaya Pakar.

Selain itu, kajian Vicky (2005) yang melihat hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik Tambahan mendapati gaya pengajaran guru Matematik Tambahan yang paling dominan ialah gaya Model Personal, diikuti gaya Pakar dan gaya Autoriti Formal. Gaya pengajaran Model Personal paling kerap atau popular mungkin disebabkan kelebihan gaya ini yang antara lain ialah mempercayai bahawa pengajaran haruslah dilakukan menggunakan contoh-contoh peribadi. Penggunaan contoh – contoh peribadi ini mungkin menjadikan hubungan antara guru dengan murid menjadi lebih mesra. Guru jenis ini juga akan membentuk satu model cara bertingkah laku dan berfikir. Mereka akan mengawasi, membimbing dan memberi arahan dengan menunjukkan cara-cara melakukan kerja dan menggalakkan murid untuk membuat pemerhatian dan kemudiannya mencontohi pendekatan yang telah digunakan atau ditunjukkan oleh guru.

## **ii. Gaya Fasilitator**

Menurut Grasha (1996), gaya Fasilitator kerap digunakan oleh guru-guru kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu wujud interaksi dua hala yang merupakan ciri gaya pengajaran Fasilitator. Ini termasuklah memandu murid dengan penyoalan, mengawas, membimbing dan memberi arahan melalui soalan-soalan, mempelbagaikan pilihan dan membantu mereka membuat keputusan yang betul. Tujuan utama guru-guru gaya Fasilitator adalah bagi membangunkan keupayaan murid untuk berdikari, berinisiatif dan bertanggungjawab. Guru yang membawa gaya Fasilitator suka belajar

bersama-sama murid dan bertindak sebagai penasihat serta memberi sokongan dan galakan. Sokongan dan galakan guru ini akan memotivasikan murid untuk terus meningkatkan pencapaian akademik mereka. Kelemahan gaya Fasilitator ialah ia banyak memakan masa dan mungkin lambat mencapai objektif pelajaran sedangkan guru-guru sering kesuntukan masa menghabiskan sukatan pelajaran. Ini ditambah pula dengan masalah murid terutamanya murid-murid yang agak 'lambat' dalam memahami konsep-konsep rumit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan.

### **iii Gaya Delegator**

Menurut Grasha (1996), gaya Delegator juga merupakan gaya pengajaran yang ketiga kerap digunakan oleh guru-guru. Kelebihan gaya Delegator ialah memberi perhatian kepada membentuk murid untuk berfungsi secara autonomi. Murid-murid digalakkan menjalankan tugas secara bersendirian ataupun menjadi sebahagian daripada autonomi di dalam kumpulan. Kehadiran guru hanya sebagai sumber rujukan yang akan memberi bantuan atau bimbingan atas permintaan. Kelebihan gaya ini ialah dapat membantu murid menjadi seorang murid yang berdikari dan berkeyakinan diri. Gaya ini amat sesuai digunakan oleh guru terutamanya semasa proses pengajaran bahasa iaitu penulisan. Contohnya, murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberi tajuk-tajuk penulisan yang berbeza. Kemudian mereka diminta membentangkan hasil perbincangan mengenai tajuk-tajuk yang diberikan. Bagaimanapun, gaya Delegator ini kurang sesuai digunakan oleh guru sekiranya tahap kesediaan murid untuk menjalankan

tugas secara bersendirian adalah rendah. Seandainya gaya ini digunakan berterusan ia akan mematikan semangat murid disebabkan oleh rasa bimbang kepada kegagalan yang berpanjangan.

#### **iv Gaya Autoriti Formal**

Menurut Grasha (1996), gaya Autoriti Formal membataskan pemikiran kritis dan kreatif murid kerana guru menganggap caranya adalah yang terbaik. Gaya ini juga sekiranya diamalkan berlebihan akan membawa kepada pengurusan yang terlalu tegar (rigid) dan kurang luwes. Menurut Noriah et al. (1999), guru gaya ini selalu dikongkong oleh peraturan dan perundangan yang menekan kreativiti. Apabila guru tidak kreatif dalam pengajaran, murid akan bosan dan kurang minat terhadap ilmu yang disampaikan. Akhirnya murid akan ponteng kelas atau sekolah. Sekiranya keadaan ini berterusan akan membantut pencapaian akademik murid.

#### **v Gaya Pakar**

Menurut Grasha (1996), gaya Pakar merupakan gaya yang kurang sesuai digunakan kepada murid-murid yang berprestasi rendah. Gaya pengajaran Pakar merupakan gaya pengajaran yang paling dominan bagi pensyarah diikuti gaya Model Personal dan gaya Fasilitator. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh perbezaan sampel kajian (pensyarah dan guru), tahap akademik dan gaya berfikir (pensyarah dan guru) serta perbezaan para

pelajar/murid (relajar universiti dan murid sekolah) dari sudut personal pelajar/murid dan gred pencapaian.

## **2.6 Kajian-kajian lepas.**

Dalam kajian Zamani (2007), yang melihat hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab telah mendapati bahawa gaya pengajaran guru secara keseluruhan dan lima gaya pengajaran guru dalam Model Grasha iaitu gaya Pakar, gaya Autoriti Formal, gaya Model Personal, gaya Fasilitator dan gaya Delegator yang digunakan oleh guru mempunyai hubungan kolerasi positif yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru telah menggunakan kelima-lima gaya pengajaran dalam Model Grasha dalam pengajaran Bahasa Arab. Dua gaya pengajaran dominan yang digunakan oleh guru ialah gaya Autoriti Formal dan gaya Pakar. Sementara gaya pengajaran yang paling dominan ialah gaya Model Personal.

Manakala Ramlah Jantan (2006) dalam kajian yang di jalankan untuk melihat hubungan antara gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid dengan pencapaian Matematik murid-murid sekolah rendah mendapati wujudnya pengaruh gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid ke atas pencapaian Matematik murid di mana pengaruh gaya pengajaran guru adalah lebih besar berbanding pengaruh gaya pembelajaran murid.

Jidarulaila (2006) dalam kajian yang menumpukan kepada hubung kait antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar dimana beliau ingin melihat gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dan sejauh mana gaya pengajaran ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar Pengurusan Pemiagaan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa gaya pengajaran guru mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran perdagangan.

Menurut Zamri Mahamod (2009), dalam kajiannya yang membandingkan gaya pengajaran guru Melayu dan Guru Inggeris mendapati kedua-dua kumpulan guru ini menggunakan kelima-lima gaya pengajaran yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran murid. Rosni (2006) dalam kajiannya mengenai gaya pengajaran guru-guru teknikal mendapati kebanyakan guru menggunakan gaya pengajaran Pakar manakala gaya pengajaran yang paling kurang digunakan ialah gaya pengajaran Delegator. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran para guru.

Kajian Grasha (1994) mendapati terdapatnya pola pergabungan gaya pengajaran dalam kalangan guru-guru. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa seseorang guru akan menggunakan lebih daripada satu gaya pengajaran yang boleh digabungkan menjadi satu kelompok. Guru-guru juga cenderung menggabungkan beberapa gaya pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa gabungan gaya-gaya pengajaran tertentu boleh menjadi lebih dominan berbanding gabungan lain-lain pengajaran. Gabungan yang lebih dominan ini dikenali sebagai kelompok primer sementara gabungan yang kurang dominan dikenali sebagai kelompok sekunder. Gaya yang lebih dominan dalam gabungan gaya pengajaran ini akan menjadi latar utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian Zahorik (1990), mendapati bahawa gaya pengajaran guru dipengaruhi oleh ideologi dan kepercayaan terhadap murid dan ilmu pengetahuan. Beliau menambah, gaya guru juga sering dikaitkan dengan pandangan dominan tentang guru efektif yang mempunyai teknik-teknik *repertoire* yang luas serta mahir menggunakan teknik-teknik tersebut untuk memenuhi keperluan pembelajaran di dalam bilik darjah. Chapman et al. (2001) dalam kajian mereka telah mendapati faktor-faktor jantina, pengalaman dan perubahan masa memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya seseorang guru. Chapman et al. (2001) yang menjalankan kajian melalui kaedah longitudinal mendapati bahawa guru-guru baru lebih tertumpu kepada gaya tradisional

(berpusatkan murid) tetapi gaya pengajaran tersebut berubah secara beransur-ansur kepada gaya progresif pada tahun-tahun kajian kemudiannya. Kajian juga mendapati bahawa faktor jantina dan pengalaman mempengaruhi corak perubahan gaya pengajaran dalam kajian tersebut.

## **2.7 Penutup**

Ringkasnya, gaya pengajaran merupakan satu set ciri-ciri yang mempengaruhi cara bagaimana seseorang menerima, mengumpul dan memproses maklumat. Gaya pengajaran menyediakan suatu mekanisma pengajaran yang dapat memberi cabaran yang betul kepada guru dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian akademik murid. Faktor pengajaran guru mempunyai kesan yang besar dan merupakan factor terpenting dalam menentukan suasana pembelajaran murid. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru untuk mengubah sikap murid ini ke arah yang lebih positif dengan menampilkan gaya pengajaran yang menarik minat murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Gaya pengajaran yang sesuai juga boleh menggalakkan pelajar menerima gaya pembelajaran yang sesuai.



## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini. Huraian metodologi kajian akan meliputi sampel kajian, rekabentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, pengumpulan data, prosedur kajian dan analisis data.

#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk kajian dibuat untuk memberi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah disenaraikan berpandukan kepada objektif-objektif kajian. Menurut Kerlinger (1973), menyatakan bahawa rekabentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan juga mengawal varians. Menurut Mohd Majid (2004), rekabentuk sesuatu penyelidikan adalah merupakan teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Tambah beliau, rekabentuk sesuatu penyelidikan secara khususnya membincangkan bagaimana untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Ringkasnya rekabentuk adalah rangka projek penyelidikan yang menyatakan tentang corak dan jenis kajian yang hendak

dijalankan, jenis maklumat yang dikumpul, dimana sumber boleh didapati dan kaedahnya. Kajian ini adalah satu kajian yang berbentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif. Menurut Mohd Majid (2004), kajian deskriptif merupakan suatu jenis kajian yang bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku ataupun juga bertujuan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum dikaji atau kurang dikaji.

Penyelidikan ini ialah satu kajian yang berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru Tahap Satu dan Tahap Dua. Oleh itu, aspek demografi guru diambil kira dalam mengenal pasti gaya pengajaran mereka. Antara aspek lain ialah subjek yang diajar dan pengalaman mengajar. Alat kajian berbentuk soal selidik diedarkan kepada sampel kajian dan kemudiannya dikumpulkan. Setelah itu pemarkatan dan pengekodan akan diberikan.

### **3.3. Populasi dan Sampel**

Populasi kajian terdiri daripada 30 orang guru yang mengajar di tahun 1 dan 6 di sebuah sekolah rendah kebangsaan. Semua iaitu seramai 30 orang sampel kajian dari populasi sekolah tersebut dilibatkan. Bagi memastikan saiz sampel bertepatan maka rumus yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) digunakan. Merujuk rumus yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970) didapati seramai 28 orang sampel dipilih dari 30 orang guru yang dicadangkan. Namun begitu bagi mendapatkan kemantapan dalam penyelidikan ini seramai 30 orang guru dipilih sebagai sampel.

Jadual 3.1 Rumus Krejcie dan Morgan(1970) untuk menentukan saiz sampel kajian.

Population size	Sample size	Population size	Sample size	Population size	Sample size
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	1000000	384

### 3.4. Pemilihan sampel

Responden yang dipilih bagi kajian ini adalah dalam kalangan guru subjek teras bagi tahap satu dan tahap dua sekolah ini. Seramai 30 orang guru dipilih sebagai sampel kajian ini. Berdasarkan jumlah sampel tersebut, seramai 15 orang merupakan guru Tahap Satu dan 15 orang lagi ialah guru Tahap Dua. Jumlah guru bagi setiap tahap ialah seramai 15 orang, iaitu 3 orang guru bagi setiap subjek yang diajar dalam tahap kelas yang dikaji. Berdasarkan setiap kategori, 5 orang guru akan dipilih dari guru yang terdiri daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Agama.

Jadual 3.1: Sampel kajian yang terdiri daripada guru tahap satu dan dua yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda.

Subjek Teras	Guru Tahap Satu	Guru Tahap Dua	Jumlah
Bahasa Melayu	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Bahasa Inggeris	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Matematik	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Sains	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Agama	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Jumlah	15	15	30

### 3.5. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Instrumen kajian ini adalah berdasarkan instrumen Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann (1996) yang telah diterjemahkan. Menurut Grasha (1996), instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan kaedah uji-ulang-uji (test-retest) yang menunjukkan skor antara 0.76- 0.83. Mohd Majid (2004) menyatakan bahawa kaedah uji-ulang-uji ialah pentadbiran ke atas soal selidik sebanyak dua kali pada sampel yang sama dan kemudian lakukan analisis korelasi antara tadbiran pertama dengan tadbiran kedua. Sekiranya mendapat nilai koefisien 0.80 keatas, bermakna kebolehpercayaan instrumen itu adalah tinggi.

Sebanyak 30 set borang soal selidik diterjemahkan daripada Skala Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann telah diedarkan kepada responden-responden. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan satu set soal selidik. Setiap set soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan bahagian maklumat diri (demografi) responden seperti berkaitan dengan subjek teras yang diajar, opsyen pengajaran, tahap yang diajar dan pengalaman mengajar. Bahagian B pula adalah soalan soal selidik yang bertujuan untuk mengenal pasti gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dalam kelas. Sebanyak 40 item ditanya dalam bentuk pernyataan positif tentang gaya pengajaran yang digunakan oleh guru. Item-item pada bahagian ini diukur menggunakan skala Likert lima mata yang diubah suai daripada Inventori Gaya Pengajaran Gasha (2000) yang telah digunakan dalam kajian Noriah et

al. (1999), Roslind (2003) dan Ruslin (2008). Skala Likert adalah terbahagi kepada lima peringkat dimana setiap nilai skor dari 1 hingga 5 masing masing mempunyai maksudnya seperti dalam jadual 3.2 yang dinyatakan di bawah.

**Jadual 3.2 : Skala Likert**

Darjah Persetujuan Jawapan	Ringkasan Darjah Persetujuan Jawapan	Skor
Sangat tidak setuju	STS	1
Tidak setuju	TS	2
Tidak pasti	TP	3
Setuju	S	4
Sangat setuju	SS	5

Jadual 3.3 : Kedudukan dan jumlah item dalam Gaya Pengajaran Grasha (1996).

Gaya Pengajaran	Kedudukan item	Bilangan item
Gaya Pakar	1 – 8	8
Gaya Autoriti Formal	9 – 16	8
Gaya Model Personal	17-24	8
Gaya Fasilitator	25 – 32	8
Gaya Delegator	32- 40	8
Jumlah	1 – 40	40

### **3.6. Kajian Rintis**

Kajian rintis adalah perlu dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Mohd Majid (2004), kajian rintis adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang berhubung dengan pemahaman dan interpretasi terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik dan mendapat maklumbalas untuk memperbaiki item-item yang telah dibina. Kajian rintis telah dijalankan keatas 10 orang guru yang terdiri daripada guru-guru di dua buah sekolah berdekatan iaitu Sekolah Kebangsaan Gulau dan Sekolah Kebangsaan Kota Aur.

Menurut Mohd Majid (2004), saiz sampel rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6 hingga 9 orang). Analisa tahap kebolehpercayaan ke atas soalan soal selidik telah dijalankan dengan menggunakan ujian Alpha Cronbach .

Dalam kajian rintis ini penyelidik telah memperolehi nilai alpha 0.7 . Menurut Mohd Majid (2004), kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 ke atas adalah mempunyai kebolehpercayaan soalan yang boleh diterima.

Alias (1999) menjelaskan bahawa kesahan merujuk kepada sejauh manakah sesuatu alat kajian benar-benar dapat mengukur apa yang hendak diukur. Menurut Mohd Majid (2004), kebolehpercayaan adalah ketekalan sesuatu alat ukur dalam mengukur

pemboleh ubah di mana tidak ada batasan khusus yang boleh digunakan lagi menentukan pekali yang paling sesuai bagi sesuatu alat ukur. Walaupun begitu, nilai indeks kebolehpercayaan item yang baik mestilah melebihi nilai Alpha 0.60. Menurut Wiersma (2000) pula, sebaik-baik item kajian perlu mempunyai kebolehpercayaan yang menghampiri nilai  $r = 1.0$ .

### **3.7 Prosedur Kajian**

Setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, penyelidik telah mengunjungi guru-guru di Sekolah Kebangsaan Gulau ( 5 orang ) dan guru-guru di Sekolah Kebangsaan Kota Aur ( 5 orang ) bagi menjalankan kajian rintis. Terlebih dahulu mereka telah diberi sedikit makluman tentang kajian ini. Seterusnya penyelidik telah meminta kerjasama mereka agar dapat mengisi borang kaji selidik dalam kajian ini sebagai kajian rintis. Hasil kajian ini telah dibincangkan dengan pensyarah penyelia. Setelah mendapat pengesahan dan kebenaran, sebanyak 30 set borang soal selidik diedarkan kepada 30 orang guru yang menjadi sampel kajian ini.

### **3.8 Analisis Data**

Penganalisan data adalah bahagian yang penting dalam sesuatu kajian yang dibuat. Justeru itu, data-data yang diperolehi dianalisis dan diproses menggunakan komputer dengan perisian *Statistic Package For Social Science (SPSS) for Window version 16.0*.



Program SPSS ini digunakan kerana ia lebih mudah serta dapat menjimatkan masa. Pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data adalah pendekatan statistik deskriptif dan inferensi. Secara deskriptif, data yang diperoleh telah dibentangkan dalam jadual yang menunjukkan bentuk taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai.

Penyelidik juga menggunakan pendekatan inferensi seperti ujian-t. Pendekatan inferensi digunakan untuk merumus dan mentafsir data dengan lebih terperinci. Bagi mendapatkan gaya pengajaran guru yang paling dominan digunakan oleh guru, nilai min digunakan sebagai ukuran. Nilai skor min bagi kelima-lima gaya dalam Model Grasha (1996) akan dibandingkan. Nilai skor min yang lebih tinggi akan menunjukkan gaya pengajaran yang lebih dominan.

### **3.9 Penutup**

Perkara-perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah rekabentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian dan kaedah analisis data. Rekabentuk kajian dibuat untuk memberi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah disenaraikan berpandukan kepada objektif-objektif kajian, prosedur mengumpul data kajian dan analisis data. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru subjek teras di sebuah sekolah rendah. Sampel dipilih dari 30 orang sahaja. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik untuk pengumpulan data kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi dari Model Gaya Pengajaran Grasha(1996).





## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Bahagian ini merupakan pemaparan hasil dari analisis data yang telah dibuat oleh penyelidik. Maklumat dan keputusan dari hasil pemprosesan data bertujuan mendapatkan keputusan yang bermakna daripada data (Mohd.Majid, 1994). Data-data dalam Bahagian A dan Bahagian B diproses dengan menggunakan perisian *Statistic Package For Social Science (SPSS) for Windowrelease 16.0*. Hasil daripada analisis data terhadap Bahagian A dan Bahagian B dipamerkan dalam bentuk jadual. Pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data adalah pendekatan statistik deskriptif dan inferensi. Secara deskriptif, data yang diperolehi akan dibentangkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan bentuk taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian. Pendekatan inferensi ujian-t, digunakan untuk merumuskan dan mentafsir data dengan lebih terperinci

## 4.2 Demografi Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru sekolah rendah di sebuah sekolah di Daerah Sik. Mereka yang terlibat terdiri daripada guru subjek teras yang mengajar di tahap satu dan dua sekolah tersebut. Maklumat demografi sampel kajian diperoleh mengikut format yang terdapat dalam borang soal selidik Bahagian A. Taburan sampel kajian mengikut jantina, subjek yang diajar, opsyen dan pengalaman mengajar.

Berdasarkan Jadual 4.1 secara keseluruhan sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 15 orang (50%) guru tahap satu dan 15 orang (50%) guru tahap dua. Berdasarkan jumlah sampel kajian, seramai 17 orang (56.7%) terdiri dari guru lelaki manakala 13 orang (43.3%) adalah guru wanita. Manakala nisbah guru yang mengajar matapelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Agama adalah sama iaitu 6 orang (20% ) bagi setiap matapelajaran. Selain dari itu seramai 22 orang (73.3%) merupakan guru opsyen, manakala selebihnya 8 orang (26.7%) merupakan guru bukan opsyen. Nisbah bilangan guru mengikut pengalaman mengajar pula ialah 13 orang (43.3%) guru yang mempunyai pengalaman kurang dari 10 tahun dan seramai 17 orang (56.7%) mempunyai pengalaman mengajar selama 10 tahun dan keatas.

JADUAL 4.1 Taburan peratusan dan kekerapan latar belakang sampel guru kajian

Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
TahapKelas		
Tahap Satu	15	50
Tahap Dua	15	50
Jantina		
Lelaki	17	56.7
Perempuan	13	43.3
Subjek Teras		
Bahasa Melayu	6	20
Bahasa Inggeris	6	20
Matematik	6	20
Sains	6	20
Agama	6	20
Opsyen		
Opsyen	22	73.3
Bukan opsyen	8	26.7
Pengalaman		
Kurang dari 10 tahun	13	43.3
10 tahun dan keatas	17	56.7

### 4.3 Perbandingan gaya pengajaran guru sekolah rendah

4.3.1 Soalan kajian pertama iaitu apakah jenis gaya pengajaran yang wujud dalam kalangan guru-guru mengikut teori gaya pengajaran Grasha (1996).

Hasil analisis data dalam Jadual 4.2 mendapati bahawa semua gaya pengajaran digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah yang dikaji. Seramai 3 orang guru (10.0%) mengamalkan gaya Pakar pada tahap paling rendah manakala seramai 3 orang (10.0%) menggunakan gaya tersebut pada tahap rendah, 8 orang (26.7%) pada tahap sederhana, 8 orang (26.7%) pada tahap tinggi dan selebihnya seramai 8 orang (26.7%) mengamalkan gaya Pakar pada tahap paling tinggi. Seterusnya seramai 3 orang guru (10.0%) mengamalkan gaya Autoriti Formal pada tahap paling rendah manakala seramai 2 orang (6.7%) menggunakan gaya tersebut pada tahap rendah, 6 orang (20.0%) pada tahap sederhana, 10 orang (33.3%) pada tahap tinggi dan selebihnya seramai 9 orang (30.0%) mengamalkan gaya Autoriti Formal pada tahap paling tinggi. Manakala seramai 7 orang guru (23.3%) mengamalkan gaya Model Personal pada tahap paling rendah manakala seramai 8 orang (26.7%) menggunakan gaya tersebut pada tahap rendah, 6 orang (20.0%) pada tahap sederhana, 4 orang (13.3%) pada tahap tinggi dan selebihnya seramai 5 orang (16.7%) mengamalkan gaya Model Personal pada tahap paling tinggi. Selain itu seramai 17 orang guru (56.7%) mengamalkan gaya Fasilitator pada tahap paling rendah manakala seramai 9 orang (30.0%) menggunakan gaya tersebut pada tahap rendah, 2 orang (6.7%) pada tahap sederhana, 1 orang (3.3%) pada tahap tinggi dan selebihnya seramai 1 orang (3.3%) mengamalkan gaya Fasilitator pada tahap paling tinggi.

Seterusnya seramai 8 orang guru (26.7%) mengamalkan gaya Delegator pada tahap rendah manakala seramai 8 orang (26.7%) menggunakan gaya tersebut pada tahap sederhana, 7 orang (23.3%) pada tahap tinggi dan selebihnya seramai 7 orang (23.3%) mengamalkan gaya Delegator pada tahap paling tinggi. Namun, gaya yang paling dominan digunakan oleh guru ialah gaya Autoriti Formal (30%) diikuti gaya Pakar (26.7%) dan gaya Delegator (23.3%) pada skor tahap paling tinggi. Manakala gaya Fasilitator merupakan gaya yang paling kurang diamalkan oleh guru kerana memperolehi skor pada tahap paling rendah sebanyak 56.7% berbanding gaya-gaya lain.

Jadual 4.2 Taburan gaya pengajaran guru sekolah rendah

Gaya Pengajaran	Paling Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Paling Tinggi
Gaya Pakar	3 (10.0%)	3 (10.0%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)
Gaya Autoriti Formal	3 (10.0%)	2 (6.7%)	6 (20.0%)	10 (33.3%)	9 (30.0%)
Gaya Model Personal	7 (23.3%)	8 (26.7%)	6 (20.0%)	4 (13.3%)	5 (16.7%)
Gaya Fasilitator	17 (56.7%)	9 (30.0%)	2 (6.7%)	1 (3.3%)	1 (3.3%)
Gaya Delegator	0 (0%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)	7 (23.3%)	7 (23.3%)



4.3.2 Soalan kajian kedua iaitu adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru-guru tahap satu dengan guru tahap dua ?

Jadual 4.3 Keputusan Ujian-t (t-test) gaya pengajaran mengikut tahap kelas yang diajar

Gaya Pengajaran	Tahap Kelas	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	Tahap Satu	15	3.53	1.24	28	0.140	0.780	0.06
	Tahap Dua	15	3.46	1.35				
Autoriti Formal	Tahap Satu	15	3.66	1.29	28	0.000	0.744	0.00
	Tahap Dua	15	3.66	1.29				
Model Personal	Tahap Satu	15	2.53	1.45	28	-0.770	0.711	-0.4
	Tahap Dua	15	2.93	1.38				
Fasilitator	Tahap Satu	15	1.73	1.09	28	0.362	0.793	0.13
	Tahap Dua	15	1.60	0.91				
Delegator	Tahap Satu	15	3.53	1.06	28	0.476	0.476	0.20
	Tahap Dua	15	3.33	1.23				

\* $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4.3 skor min gaya pengajaran Pakar guru Tahap satu ialah 3.53 dan skor min gaya pengajaran Pakar guru Tahap Dua pula ialah 3.46 dengan nilai-t = 0.140 ( $p = 0.78$ ). Nilai  $p = 0.78$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Pakar antara guru Tahap Satu dengan guru Tahap Dua.

Bagi gaya pengajaran Autoriti Formal pula, skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru Tahap satu ialah 3.66 dan skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru Tahap Dua juga 3.66 dengan nilai  $t = 0.000$  ( $p = 0.744$ ). Nilai  $p = 0.744$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Autoriti Formal antara guru Tahap satu dengan guru Tahap Dua.

Seterusnya gaya Model Personal di mana skor min gaya pengajaran Model Personal bagi guru Tahap satu ialah 2.53 dan skor min gaya pengajaran Model Personal guru Tahap Dua pula ialah 2.93 dengan nilai  $t = -0.770$  ( $p = 0.711$ ). Nilai  $p = 0.711$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Model Personal antara guru Tahap satu dengan guru Tahap Dua.

Bagi gaya pengajaran Fasilitator, skor min gaya pengajaran Fasilitator bagi guru Tahap satu ialah 1.73 dan skor min gaya pengajaran Fasilitator guru Tahap Dua pula ialah 1.60 dengan nilai  $t = 0.362$  ( $p = 0.793$ ). Nilai  $p = 0.793$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Fasilitator antara guru Tahap satu dengan guru Tahap Dua.

Akhir sekali ialah gaya pengajaran Delegator di mana skor min gaya pengajaran Delegator bagi guru Tahap Satu ialah 3.53 dan skor min gaya pengajaran Delegator guru Tahap Dua pula ialah 3.33 dengan nilai  $t = 0.476$  ( $p = 0.392$ ). Nilai  $p = 0.392$  adalah

lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Delegator antara guru Tahap Satu dengan guru Tahap Dua.

Rumusan daripada Jadual 4.3 ialah tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru Tahap Satu dan guru Tahap Dua bagi gaya pengajaran Pakar, Autoriti Formal dan Model Personal..

4.3.3 Soalan Kajian ketiga, iaitu adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru mengikut jantina?

Jadual 4.4 Keputusan Ujian-t ( t-test) gaya pengajaran mengikut jantina

Gaya Pengajaran	Tahap Kelas	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	Lelaki	17	3.47	1.46	28	-0.141	0.196	-0.06
	Wanita	13	3.53	1.05				
Autoriti	Lelaki	17	3.47	1.28	28	-0.967	0.619	-0.45
	Wanita	13	3.92	1.25				
Model	Lelaki	17	2.58	1.46	28	-0.637	0.493	-0.33
	Wanita	13	2.92	1.38				
Fasilitator	Lelaki	17	1.82	1.07	28	0.988	0.580	0.36
	Wanita	13	1.46	0.87				
Delegator	Lelaki	17	3.64	0.99	28	1.148	0.167	0.49
	Wanita	13	3.15	1.28				

\* $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4.4 tersebut, skor min gaya pengajaran Pakar guru lelaki ialah 3.47 dan skor min gaya pengajaran Pakar guru wanita pula ialah 3.53 dengan nilai-  $t = -0.141$  ( $p = 0.196$ ). Nilai  $p = 0.196$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Pakar guru lelaki dengan guru wanita. Seterusnya, skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru lelaki ialah 3.47 dan skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru wanita pula ialah 3.92 dengan nilai-  $t = -0.967$  ( $p = 0.62$ ). Nilai  $p = 0.62$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Autoriti Formal guru lelaki dengan guru wanita. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Autoriti Formal guru antara guru lelaki dengan guru wanita adalah sama.

Skor min gaya pengajaran Model Personal bagi guru lelaki pula ialah 2.58. Sama dengan skor min gaya pengajaran Model Personal guru wanita iaitu 2.92 dengan nilai-  $t = -0.637$  ( $p = 0.49$ ). Nilai  $p = 0.49$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Model Personal guru lelaki dengan guru wanita. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Model Personal guru lelaki dengan guru wanita adalah sama. Seterusnya ialah gaya pengajaran Fasilitator di mana skor min gaya pengajaran Fasilitator guru lelaki ialah 1.82 dan skor min gaya pengajaran Fasilitator guru wanita pula ialah 1.46 dengan nilai-  $t = 0.98$  ( $p = 0.98$ ). Nilai  $p = 0.98$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Fasilitator guru lelaki dengan guru wanita. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran guru lelaki dengan guru wanita adalah sama.

Akhir sekali ialah gaya pengajaran Delegator di mana skor min gaya pengajaran Delegator guru lelaki pula ialah 3.64. Skor min gaya pengajaran Delegator guru wanita ialah 3.15 dengan nilai-t = 1.188 ( $p = 0.16$ ). Nilai  $p = 0.16$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Delegator guru lelaki dengan guru wanita. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Delegator guru lelaki dengan guru wanita adalah sama. Rumusan daripada Jadual 4.4 ialah tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru mengikut jantina bagi gaya pengajaran Pakar, Autoriti Formal, Model Personal, Fasilitator dan Delegator serta gaya pengajaran guru lelaki dan wanita adalah sama.

4.3.4 Soalan kajian keempat iaitu adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru opsyen dengan bukan opsyen?

Jadual 4.5 menunjukkan hasil ujian-t gaya pengajaran guru berdasarkan opsyen dan bukan opsyen. Berdasarkan jadual tersebut skor min gaya pengajaran Pakar guru opsyen ialah 3.36 dan skor min gaya pengajaran Pakar guru bukan opsyen ialah 3.87 dengan nilai-t = -0.967 ( $p = 0.15$ ). Nilai  $p = 0.15$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Pakar antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Pakar guru opsyen dengan bukan opsyen adalah sama

Jadual 4.5 Keputusan Ujian-t ( t-test) gaya pengajaran mengikut opsyen

Gaya Pengajaran	Opsyen	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	Opsyen	22	3.36	1.36	28	-0.967	0.15	-0.51
	Bukan Opsyen	8	3.87	0.99				
Autoriti Formal	Opsyen	22	3.45	1.33	28	-1.556	0.21	-0.79
	Bukan Opsyen	8	4.25	0.88				
Model Personal	Opsyen	22	2.68	1.39	28	-0.326	0.89	-0.19
	Bukan Opsyen	8	2.87	1.55				
Fasilitator	Opsyen	22	1.82	1.09	28	1.407	0.97	0.56
	Bukan Opsyen	8	1.25	0.46				
Delegator	Opsyen	22	3.68	1.12	28	2.102	0.25	0.93
	Bukan Opsyen	8	2.75	0.88				

\*p&lt;0.05

Seterusnya, skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru opsyen ialah 3.45 dan skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru bukan opsyen pula ialah 4.25 dengan nilai-t = -1,556 (p = 0.20). Nilai p = 0.20 adalah lebih besar daripada 0.05 (p > 0.05). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Autoriti Formal guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan lain perkataan, gaya pengajaran Autoriti Formal guru opsyen dengan bukan opsyen adalah sama. Skor min gaya pengajaran Model Personal bagi guru opsyen pula ialah 2.68. Skor min gaya pengajaran Model Personal guru bukan opsyen ialah 2.87 dengan nilai- t = -0.326 (p = 0.89). Nilai p =

0.89 adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Model Personal guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Model Personal guru opsyen dengan bukan opsyen adalah sama.

Bagi gaya pengajaran Fasilitator, skor min gaya pengajaran Fasilitator guru opsyen ialah 1.81. Skor min gaya pengajaran Fasilitator guru bukan opsyen pula ialah 1.25 dengan nilai- $t = 1.407$  ( $p = 0.097$ ). Nilai  $p = 0.097$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Fasilitator guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan lain perkataan, gaya pengajaran Fasilitator guru opsyen dengan bukan opsyen adalah sama. Akhir sekali, bagi gaya pengajaran Delegator, skor min gaya pengajaran Delegator guru opsyen pula ialah 3.68. Skor min gaya pengajaran Delegator guru bukan opsyen ialah 2.75 dengan nilai- $t = 2.102$  ( $p = 0.25$ ). Nilai  $p = 0.25$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Delegator guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan lain perkataan, gaya pengajaran Delegator guru opsyen dengan bukan opsyen adalah sama.

Rumusan yang dapat dibuat daripada Jadual 4.5 ialah tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru berdasarkan gaya pengajaran Pakar, Autoriti Formal, Model Personal, Fasilitator dan Delegator malah gaya pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen adalah sama.

4.3.5 Soalan kajian kelima iaitu Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran mengikut pengalaman guru?

Jadual 4.6 Keputusan Ujian-t (t-test) gaya pengajaran mengikut pengalaman

Gaya Pengajaran	Pengalaman	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	kurang 10 tahun	13	3.15	1.34	28	-1.311	0.835	-0.61
	10 tahun keatas	17	3.76	1.20				
Autoriti	kurang 10 tahun	13	3.53	1.26	28	-0.478	0.944	-0.22
	10 tahun keatas	17	3.76	1.30				
Formal	kurang 10 tahun	13	2.69	1.65	28	-0.137	0.031	-0.07
	10 tahun keatas	17	2.76	1.25				
Fasilitator	kurang 10 tahun	13	1.92	1.11	28	1.247	0.857	0.45
	10 tahun keatas	17	1.47	0.87				
Delegator	kurang 10 tahun	13	3.69	1.10	28	1.097	0.854	0.45
	10 tahun keatas	17	3.23	1.14				

\* $p < 0.05$

Jadual 4.6 menunjukkan hasil ujian-t gaya pengajaran guru berdasarkan pengalaman. Berdasarkan Jadual 4.6 skor min gaya pengajaran Pakar guru berpengalaman kurang 10 tahun ialah 3.15 dan skor min gaya pengajaran Pakar guru berpengalaman lebih 10 tahun ialah 3.76 dengan nilai-t = -1.311 ( $p = 0.83$ ). Nilai  $p = 0.83$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Pakar antara guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru



berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Pakar guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan lebih 10 tahun adalah sama. Bagi skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru berpengalaman kurang 10 tahun ialah 3.53, sama dengan skor min gaya pengajaran Autoriti Formal guru berpengalaman lebih 10 tahun iaitu 3.76 dengan nilai- $t = -0.478$  ( $p = 0.94$ ). Nilai  $p = 0.94$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Autoriti Formal guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Autoriti Formal guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah sama.

Skor min gaya pengajaran Model Personal bagi guru berpengalaman kurang 10 tahun pula ialah 2.69. Skor min gaya pengajaran Model Personal guru berpengalaman lebih 10 tahun ialah 2.76 dengan nilai-  $t = -0.137$  ( $p = 0.03$ ). Nilai  $p = 0.03$  adalah lebih kecil daripada 0.05 ( $p < 0.05$ ). Ini bererti wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Model Personal guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Model Personal guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah tidak sama. Seterusnya ialah gaya pengajaran Fasilitator di mana skor min gaya pengajaran Fasilitator guru berpengalaman kurang 10 tahun ialah 1.92. Skor min gaya pengajaran Fasilitator guru berpengalaman lebih 10 tahun pula ialah 1.47 dengan nilai-  $t = 1.247$  ( $p = 0.85$ ). Nilai  $p = 0.85$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Fasilitator guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain,

gaya pengajaran Fasilitator guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah sama.

Akhir sekali gaya pengajaran Delegator di mana skor min gaya pengajaran Delegator guru berpengalaman kurang 10 tahun ialah 3.69 dan skor min gaya pengajaran Delegator guru berpengalaman lebih 10 tahun pula ialah 3.23 dengan nilai- $t = 1.097$  ( $p = 0.85$ ). Nilai  $p = 0.85$  adalah lebih besar daripada  $0.05$  ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran Delegator guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran Delegator guru guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah sama.

Rumusan daripada Jadual 4.6 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru berdasarkan gaya pengajaran Pakar, Autoriti Formal, Model Personal dan Delegator serta sebaliknya wujud perbezaan gaya pengajaran guru berpengalaman kurang 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun bagi gaya pengajaran Model Personal

4.3.6 Soalan kajian keenam iaitu adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran mengikut subjek yang diajar?

Jadual 4.7 . Keputusan ujian ANOVA gaya pengajaran mengikut subjek yang diajar

Gaya		Df	Min	Sisihan	F	Sig.
Pengajaran			Piawai			
Pakar	Antara Kumpulan	4	1.667	0.46	1.020	0.416
	Dalam Kumpulan	25	1.633	0.59		
Autoriti Formal	Antara Kumpulan	4	1.000	0.42	0.586	0.676
	Dalam Kumpulan	25	1.707	0.39		
Model Personal	Antara Kumpulan	4	1.717	0.49	0.842	0.512
	Dalam Kumpulan	25	2.040	0.47		
Fasiitator	Antara Kumpulan	4	1.083	0.59	1.113	0.373
	Dalam Kumpulan	25	0.973	0.54		
Delegator	Antara Kumpulan	4	1.133	0.38	0.863	0.500
	Dalam Kumpulan	25	1.313	0.35		

\* $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4.7, skor min gaya Pakar antara kumpulan ialah 1.667 dan skor min gaya Pakar dalam kumpulan ialah 1.633 dengan nilai  $p = 0.416$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap gaya Pakar. Bagi skor min gaya Autoriti Formal antara kumpulan ialah 1.000, skor min gaya Autoriti Formal dalam kumpulan ialah 1.707 dengan nilai  $p = 0.67$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap gaya Autoriti Formal. Dengan perkataan lain, gaya Autoriti Formal dalam kalangan guru adalah sama. Bagi skor min gaya pembelajaran Model Personal antara

kumpulan ialah 1.717 dan skor min gaya Model Personal dalam kumpulan ialah 2.040 dengan nilai  $p = 0.373$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap gaya Model Personal. Dengan perkataan lain, gaya Model Personal guru adalah sama.

Bagi skor min gaya Fasilitator antara kumpulan ialah 1.083 dan skor min gaya Fasilitator dalam kumpulan ialah 0.973 dengan nilai  $p = 0.373$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap gaya Fasilitator. Dengan perkataan lain, gaya Fasilitator adalah sama. Bagi skor min gaya Delegator antara kumpulan ialah 1.133 dan skor min gaya Delegator dalam kumpulan ialah 1.313 dengan nilai  $p = 0.50$  adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap gaya Delegator. Dengan perkataan lain, gaya Delegator adalah sama. Rumusan daripada Jadual 4.7 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran mengikut subjek yang diajar serta sebaliknya gaya pengajaran mengikut subjek yang diajar adalah sama.

#### 4.4 Penutup

Dapatan kajian diperolehi dari hasil analisis data yang menggunakan perisian statistik terkini. Hasil kajian telah menunjukkan beberapa keputusan bagi setiap gaya pengajaran Model Grasha-Riechmann yang dihubungkan dengan beberapa faktor demografi seperti jantina, tahun yang diajar oleh guru, opsyen serta pengalaman. Hasil kajian menunjukkan semua guru mengamalkan semua gaya pengajaran dalam aktiviti pengajaran mereka.

## BAB V

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bab ini penyelidik akan membincangkan secara ringkas, merumuskan dan membincangkan implikasi hasil kajian. Hasil kajian ini adalah berkaitan dengan perbandingan gaya pengajaran guru-guru tahap satu dengan guru-guru tahap dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda, Sik, Kedah Darul Aman. Kajian ini melibatkan 30 orang guru sekolah berkenaan. Kertas soal selidik yang mengandungi dua bahagian telah diedarkan. Bahagian pertama mengandungi data demografi responden dan bahagian kedua mengandungi item-item untuk mengenal pasti gaya pembelajaran murid mengikut Model gaya Pembelajaran Grasha –Riechmann. Semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program SPSS 16.0. Hasil kajian dianalisis dalam dua bahagian. Bahagian pertama merupakan hasil dapatan taburan mengikut demografi responden. Bahagian kedua merupakan hasil dapatan gaya pembelajaran mengikut demografi pada sub-skala yang telah ditetapkan iaitu gaya Pakar, Autoriti Formal, Model Personal, Fasilitator dan Delegator.

Selain itu, bab ini juga merumuskan hasil dapatan kajian dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk kajian yang seterusnya.

## **5.2 Perbandingan gaya pengajaran guru sekolah rendah keseluruhannya.**

Secara keseluruhan, guru-guru didapati mengamalkan kelima-lima gaya pengajaran dalam Model Grasha (1996). Namun begitu, kombinasi atau gabungan gaya pengajaran guru yang kerap digunakan dalam kajian ini ialah gaya pengajaran Autoriti Formal, gaya Pakar, gaya Delegator, gaya Model Personal dan akhir sekali gaya Fasilitator. Didapati gabungan gaya-gaya pengajaran ini tidak terdapat dalam empat kelompok yang telah dikenal pasti oleh Grasha (1994) dalam kajiannya. Empat kelompok gaya pengajaran yang dikenal pasti oleh Grasha (1994) terdiri daripada kelompok 1 (gaya Pakar / Model Personal), kelompok 2 (gaya Pakar / Model Personal / Autoriti Formal), kelompok 3 (gaya Pakar / Fasilitator / Model Personal) dan kelompok 4 (gaya Pakar / Fasilitator / Delegator).

Perbezaan kombinasi gaya pengajaran yang didapati dalam kajian ini dengan kelompok gaya pengajaran Grasha (1994) berkemungkinan ada kaitan dengan pendapat Grasha (1996) yang menyatakan pola gaya pengajaran guru dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu seperti tujuan pembelajaran, bentuk kursus, saiz kelas, jenis mata pelajaran, tahap pengajian, tempoh masa pembelajaran, norma-norma institusi pembelajaran dan disiplin akademik. Dapatan kajian ini bukanlah sesuatu yang baru kerana melalui kajian VanSchoyk dan Grasha (1981) serta Grasha (1994) mendapati terdapatnya pola

pergabungan gaya pengajaran dalam kalangan guru-guru. Dapatan kajian mereka juga menunjukkan bahawa seseorang guru akan menggunakan lebih daripada satu gaya pengajaran yang boleh digabungkan menjadi satu kelompok. Guru-guru juga cenderung menggabungkan beberapa gaya pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa gabungan gaya-gaya pengajaran tertentu boleh menjadi lebih dominan berbanding gabungan lain-lain pengajaran. Gabungan yang lebih dominan ini dikenali sebagai kelompok primer sementara gabungan yang kurang dominan dikenali sebagai kelompok sekunder.

Gaya yang lebih dominan dalam gabungan gaya pengajaran ini akan menjadi latar utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini membuktikan kepentingan mempelbagaikan gaya pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Felder dan Henriques (1995), kajian-kajian membuktikan bahawa murid belajar melalui pelbagai cara. Sesetengahnya belajar melalui penglihatan dan pendengaran. Ada antaranya belajar melalui maklum balas dan tindakan. Sementara yang lainnya pula belajar menggunakan pemikiran dan gerak hati. Terdapat juga murid yang memberi tumpuan kepada ingatan dan gambaran. Oleh itu gaya dan kaedah pengajaran guru juga perlu pelbagai bagi memastikan kesannya terhadap pencapaian akademik murid. Justeru, sebanyak mana murid mendapat hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tidak bergantung kepada keupayaan semula jadi murid dan kesediaan semata-mata, tetapi juga bergantung kepada gaya dan kesesuaian ciri-ciri pendekatan guru dalam pengajaran. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Grasha dan Hicks (2000) yang telah menyatakan sesungguhnya untuk menjamin

keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, fokus yang diberikan kepada gaya pembelajaran murid semata-mata tidak memadai. Sebaliknya gaya pengajaran guru juga perlu dititikberatkan kerana gaya pengajaran juga penting bagi menjamin keberkesanan pencapaian akademik murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran yang serasi dengan gaya pembelajaran murid secara signifikan dapat memperbaiki pembelajaran, sikap, tingkah laku dan motivasi murid.

Dalam kajian Zamani (2007), yang melihat hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab telah mendapati bahawa gaya pengajaran guru secara keseluruhan dan lima gaya pengajaran guru dalam Model Grasha iaitu gaya Pakar, gaya Autoriti Formal, gaya Model Personal, gaya Fasilitator dan gaya Delegator yang digunakan oleh guru mempunyai hubungan kolerasi positif yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru telah menggunakan kelima-lima gaya pengajaran dalam Model Grasha dalam pengajaran Bahasa Arab. Dua gaya pengajaran dominan yang digunakan oleh guru ialah gaya Autoriti Formal dan gaya Pakar. Sementara gaya pengajaran yang paling dominan ialah gaya Model Personal.

Manakala Ramlah Jantan (2006) dalam kajian yang di jalankan untuk melihat hubungan di antara gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid dengan pencapaian Matematik murid-murid sekolah rendah mendapati wujudnya pengaruh gaya pengajaran



guru dan gaya pembelajaran murid ke atas pencapaian Matematik murid di mana pengaruh gaya pengajaran guru adalah lebih besar berbanding pengaruh gaya pembelajaran murid. Jidarulaila (2006) dalam kajian yang menumpukan kepada hubung kait antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar dimana beliau ingin melihat gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dan sejauh mana gaya pengajaran ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar Pengurusan Pemiagaan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa gaya pengajaran guru mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran perdagangan. Kesimpulannya, kesan penyesuaian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting terhadap pencapaian akademik murid. Penyesuaian murid dengan guru dan bahan pengajaran berdasarkan gaya kognitif dapat membantu murid mencapai kemahiran dan mendapat motivasi yang berterusan

### **5.3. Perbandingan gaya pengajaran guru tahap satu dan tahap dua berdasarkan Model Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann.**

Berdasarkan analisis dapatan kajian, guru-guru yang mengajar di tahap satu iaitu kelas tahun 1, 2 dan 3 lebih mengamalkan gaya Autoriti Formal berbanding gaya-gaya lain. Begitu juga dengan guru-guru yang mengajar ditahap dua iaitu kelas tahun 4, 5 dan 6.

Min bagi gaya Autoriti Formal bagi kedua-dua kumpulan guru ini ialah 3.66 . Gaya Autoriti Formal ialah gaya pengajaran yang membataskan pemikiran kritis dan kreatif murid kerana guru menganggap caranya adalah yang terbaik . Terdapat beberapa faktor kenapa guru-guru di sekolah kajian ini gemar mengamalkan gaya tersebut dalam aktiviti pengajaran mereka dalam kelas. Antaranya saiz kelas terlalu besar serta kebolehan murid yang tidak sama. Nisbah setiap guru sekolah ini ialah 1 guru: 40 orang murid. Situasi seperti ini tidak dapat dielakkan kerana bilangan kelas yang tidak mencukupi ditambah pula peruntukan perjawatan guru yang tidak pernah cukup pada setiap tahun. Bilangan murid yang besar membayangkan situasi kelas yang padat, binggut, tidak selesa dan sebagainya. Dari pengalaman penyelidik guru terpaksa menguatkan suara agar jelas didengar oleh murid dan amat sukar untuk menjalankan aktiviti berkumpulan kerana akan wujud pergerakan murid yang tidak dapat diakawal.

Dapatan kajian ini yang menunjukkan gaya pengajaran Autoriti Formal paling dominan diamalkan oleh guru-guru sekolah ini ada benarnya. Pada pendapat penyelidik, selagi masalah nisbah guru murid ini tidak diatasi, apapun usaha lain dilakukan untuk meningkatkan mutu pendidikan, agak sukar untuk berjaya. Selain dari itu kebolehan murid dalam kelas itu tidak sama. Ini tambah menyukarkan keadaan dan menyulitkan guru mengajar. Menurut Noriah et al. (1999), guru gaya ini selalu dikongkong oleh peraturan dan perundangan yang menekan kreativiti . Banyak sekolah tidak lagi membuat pengajaran secara berkumpulan, sebaliknya murid dalam kelas dianggap lebih kurang sama. Apabila guru tidak kreatif dalam pengajaran, murid akan bosan dan kurang minat terhadap ilmu yang disampaikan. Akhirnya murid akan

ponteng kelas atau sekolah. Sekiranya keadaan ini berterusan akan membantut pencapaian akademik murid. Cara mengatasi jika sekolah membuat *streaming class*, jumlah murid bagi kelas yang pandai bolehlah lebih banyak berbanding kelas yang tidak pandai. Pada pendapat penyelidik, semakin mundur kelas tersebut, semakin kecil jumlah murid dalam kelas itu. Contohnya, murid kelas A ada 40 orang, murid kelas B ada 35 orang, murid kelas C ada 30 orang dan murid kelas D hanyalah 25 orang. Itu lebih baik berbanding setiap kelas dipuratakan.

Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian Vicky (2005) yang mendapati gaya Autoriti Formal merupakan gaya pengajaran ketiga digunakan oleh guru Matematik Tambahan selepas gaya Model Personal dan gaya Pakar. Gaya ini sesuai digunakan dalam pengajaran Matematik Tambahan kerana penyelesaian masalahnya memerlukan garis panduan yang piawai. Berbeza dengan gaya pengajaran subjek teras yang piawai hanya digunakan dalam penulisan yang memerlukan format sahaja, manakala lain-lain penulisan memerlukan gaya penulisan yang kritis dan kreatif.

#### **5.4 Perbandingan gaya pengajaran guru lelaki dan wanita berdasarkan Model Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann**

Bagi dapatan kajian berkaitan gaya pengajaran berdasarkan jantina guru, mendapati guru lelaki lebih mengamalkan gaya pengajaran Delegator berbanding guru wanita lebih mengamalkan gaya Autoriti Formal. Min guru gaya Delegator bagi guru lelaki 3.64 manakala guru wanita hanya 3.15. Kelebihan guru gaya Delegator ialah memberi

perhatian kepada membentuk murid untuk berfungsi secara autonomi. Murid-murid digalakkan menjalankan tugas secara bersendirian ataupun menjadi sebahagian daripada autonomi di dalam kumpulan. Kehadiran guru hanya sebagai sumber rujukan yang akan memberi bantuan atau bimbingan atas permintaan.

Kelebihan gaya ini ialah dapat membantu murid menjadi seorang murid yang berdikari dan berkeyakinan diri. Gaya ini amat sesuai digunakan oleh guru terutamanya semasa proses pengajaran bahasa iaitu penulisan. Contohnya, murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberi tajuk-tajuk penulisan yang berbeza. Kemudian mereka diminta membentangkan hasil perbincangan mengenai tajuk-tajuk yang diberikan. Merujuk kepada taburan kekerapan bilangan guru mendapati guru lelaki lebih ramai mengajar di tahap dua. Justeru itu gaya ini sesuai digunakan oleh guru lelaki dalam konteks kajian ini mungkin kerana tahap pencapaian akademik murid adalah baik. Bagaimanapun, gaya Delegator ini kurang sesuai digunakan oleh guru sekiranya tahap kesediaan murid untuk menjalankan tugas secara bersendirian adalah rendah. Sebagai contoh murid-murid di tahun 1, 2 dan 3 belum boleh melakukan sendiri kerja tanpa arahan guru. Sehubungan dengan itu guru wanita yang mengajar di tahap ini adalah sesuai mengamalkan gaya Autoriti Formal.

#### **5.5 Perbandingan gaya pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen berdasarkan Model Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann**

Dapatan kajian mengikut opsyen pula mendapati tidak ada perbezaan gaya pengajaran yang kerap diamalkan. Guru opsyen didapati kerap mengamalkan gaya pengajaran Delegator, manakala guru bukan opsyen lebih kerap mengamalkan gaya pengajaran Autoriti Formal. Menurut Roslind (2003) yang mendapati gaya pengajaran Delegator merupakan gaya pengajaran kedua paling kurang digunakan oleh guru-guru Melayu di Sarawak. Keadaan ini berlaku kerana 92.3 peratus sampel kajian yang terdiri daripada 260 orang murid tingkatan dua dan tingkatan lima menggunakan bahasa pertuturan di rumah selain daripada Bahasa Melayu. Oleh itu, seandainya gaya pengajaran ini diamalkan dalam konteks kajian beliau berkemungkinan akan membantut pencapaian akademik murid.

Dari segi faktor opsyen, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor opsyen tidak signifikan terhadap perbezaan gaya pengajaran. Dapatan kajian ini tidak selari dengan Zahorik (1990), di mana beliau mendapati bahawa gaya pengajaran guru dipengaruhi oleh ideologi dan kepercayaan terhadap murid dan ilmu pengetahuan. Beliau menambah, gaya guru juga sering dikaitkan dengan pandangan dominan tentang guru efektif yang mempunyai teknik-teknik *repetoir* yang luas serta mahir menggunakan teknik-teknik tersebut untuk memenuhi keperluan pembelajaran di dalam bilik darjah. Keadaan ini berlaku kerana guru sebenarnya merupakan agen perubahan dalam sistem pendidikan formal.

Amalan gaya pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak dipengaruhi oleh sikap dan tanggungjawab guru untuk menyesuaikan gaya

pengajarannya dengan gaya pembelajaran murid, bukan berdasarkan pada ciri demografi mereka seperti opsyen, pengalaman dan sebagainya. Justeru, guru sebagai tonggak utama dalam proses pendidikan di sekolah memikul amanah untuk melaksanakan hasrat dan cita-cita mulia ini. Guru seharusnya faham kaedah serta proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat meningkatkan perkembangan mental dan daya berfikir seseorang murid dengan mempelbagai gaya pengajaran mereka. Oleh itu, tidak wujud perbezaan gaya pengajaran antara guru opsyen atau bukan opsyen.

#### **5.6 Perbandingan gaya pengajaran guru berpengalaman dan tidak berdasarkan Model Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann**

Dapatan kajian terhadap pengalaman mendapati guru yang kurang dari 10 tahun pengalaman kerap mengamalkan gaya pengajaran Delegator berbanding guru yang berpengalaman melebihi 10 tahun kerap mengamalkan gaya Pakar. Min guru berpengalaman 10 tahun ke atas ini ialah 3.76. Merujuk Jadual 4.1, taburan kekerapan guru mendapati guru yang berpengalaman melebihi 10 tahun lebih ramai dari guru yang berpengalaman kurang 10 tahun di sekolah ini. Lazimnya guru-guru seperti ini sudah menjangkau usia 40 an. Pada pendapat penyelidik faktor usia yang lama ini memungkinkan tahap kecergasan yang kurang dalam kalangan guru-guru tersebut. Mungkin guru ini tidak lagi kreatif atau masih gemar mengajar cara tradisional.

Tanggungjawab guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran sememangnya berat kerana guru bukan sahaja bertanggungjawab memberi pengalaman kepada pelajar

dalam bidang mata pelajaran yang diajar tetapi ia juga bertujuan membentuk pelajar menjadi seorang pelajar yang cemerlang. Kalau itu tidak mencukupi banyak lagi tugas dan tanggungjawab guru yang ditanggungnya di luar proses pengajaran. Tugas guru bukannya mudah kerana ada banyak perkara lain yang dianggap seseorang guru harus boleh lakukan sungguhpun guru itu tidak mendapat latihan khusus dalam bidang itu.

Dapatan ini menyangkal dapatan kajian Grasha (1996) yang menunjukkan bahawa gaya pengajaran ini dipengaruhi oleh jangka tempoh (pengalaman) profesion guru-guru. Guru yang baru menceburkan diri dalam profesion perguruan lebih menggunakan gaya Autoriti Formal dan Model Personal. Guru-guru yang telah mempunyai pengalaman mengajar lebih suka menggunakan gaya Fasilitator, Pakar dan gaya Delegator. Selain itu, Chapman et al. (2001) menyatakan jantina, pengalaman dan perubahan masa memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya seseorang guru. Dapatan kajian beliau tidak selari dengan dapatan kajian ini Chapman et al. (2001) yang menjalankan kajian melalui kaedah longitudinal mendapati bahawa guru-guru baru lebih tertumpu kepada gaya Tradisional (berpusatkan guru) tetapi gaya pengajaran tersebut berubah secara beransur-ansur kepada gaya progresif pada tahun-tahun kajian kemudiannya. Kajian juga mendapati bahawa faktor jantina dan pengalaman mempengaruhi corak perubahan gaya pengajaran dalam kajian tersebut.

Menurut Zamri Mahamod (2009) faktor pengalaman juga tidak signifikan terhadap perbezaan semua gaya pengajaran kecuali gaya Fasilitator. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan gaya pengajaran Fasilitator antara guru yang mempunyai

pengalaman bawah 10 tahun dengan guru yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun. Didapati guru yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun lebih menggunakan gaya Fasilitator berbanding guru yang mempunyai pengalaman kurang daripada 10 tahun. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan antara gaya pengajaran Pakar, Autoriti Formal, Model Personal dan Delegator bagi guru-guru yang mempunyai pengalaman bawah 10 tahun dengan guru-guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun.

Menurut Juliawati (2006), gaya Pakar merupakan gaya pengajaran yang paling dominan bagi pensyarah. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh perbezaan sampel kajian (pensyarah dan guru), tahap akademik dan gaya berfikir (pensyarah dan guru) serta perbezaan para pelajar/murid (pelajar universiti dan murid sekolah) dari sudut personal pelajar/murid dan gred pencapaian. Menurut Zamri Mahamod (2009), gaya Pakar merupakan gaya yang paling kurang digunakan oleh guru-guru. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah tahap penguasaan akademik murid, kedudukan kelas murid, tahap penguasaan bahasa murid dan sebagainya. Ini dibuktikan melalui ulasan atau catatan sampel kajian pada soal selidik kajian yang menyatakan mereka tidak dapat mengamalkan gaya tersebut kerana mengajar di kelas-kelas yang sederhana dan lemah. Seandainya gaya Pakar ini diamalkan secara keterlaluan, terutamanya kepada murid-murid yang lemah kadangkala akan menyebabkan murid merasa terancam dan akhirnya tidak berminat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Ini seterusnya menyebabkan ketidakberkesanan terhadap pencapaian akademik murid.



Dapatan kajian ini disokong oleh Roslind (2003) yang turut mendapati bahawa gaya pengajaran Pakar sebagai gaya yang paling kurang digunakan oleh guru-guru Melayu. Ini kerana, dalam kajian beliau kebanyakan sampel kajian adalah terdiri daripada murid bukan Melayu yang belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah. Oleh itu, gaya Pakar merupakan gaya yang kurang sesuai digunakan kepada murid-murid yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan mempunyai penguasaan bahasa yang sederhana dan lemah.

Bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Ruslin (2008) yang mengkaji gaya pengajaran yang paling dominan dalam kalangan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dapatan kajian ini menyatakan gaya pengajaran Pakar merupakan gaya pengajaran yang paling dominan diikuti gaya Model Personal dan gaya Fasilitator. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh perbezaan sampel kajian (pensyarah dan guru), tahap akademik dan gaya berfikir (pensyarah dan guru) serta perbezaan para pelajar/murid (pelajar universiti dan murid sekolah) dari sudut personal pelajar/murid dan gred pencapaian

### **5.7 Gaya pengajaran yang kurang digemari guru berdasarkan Model Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann**

Dapat kajian ini menunjukkan gaya pengajaran Model Personal dan Fasilitator merupakan gaya yang kurang digemari oleh guru-guru sekolah rendah. Namun dapatan

kajian ini ditolak oleh dapatan kajian Juliawati (2006) yang mendapati gaya Model Personal merupakan gaya pengajaran yang paling dominan digunakan oleh guru-guru sekolah rendah. Dapatan kajian beliau ini telah menyokong dapatan kajian Grasha (1994) yang menunjukkan bahawa secara keseluruhannya gaya pengajaran Model Personal telah digunakan secara dominan oleh semua tenaga pengajar bagi semua peringkat pendidikan akademik sama ada profesor, profesor madya dan juga guru (tutor). Gaya ini juga didapati telah digunakan secara dominan dalam pengajaran kursus-kursus di semua peringkat pengajian berbanding dengan lain-lain gaya. Kajian Roslind (2003) yang melihat pola gaya pengajaran guru juga mendapati bahawa gaya Model Personal juga telah muncul sebagai gaya pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru Melayu. Ini diikuti gaya Fasilitator, gaya Autoriti Formal, gaya Delegator dan gaya yang paling rendah skor minnya ialah gaya Pakar.

Selain itu, kajian Vicky (2005) yang melihat hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik Tambahan mendapati gaya pengajaran guru Matematik Tambahan yang paling dominan ialah gaya Model Personal, diikuti gaya Pakar dan gaya Autoriti Formal. Gaya pengajaran Model Personal paling kerap atau popular mungkin disebabkan kelebihan gaya ini yang antara lain ialah mempercayai bahawa pengajaran haruslah dilakukan menggunakan contoh-contoh peribadi. Penggunaan contoh-contoh peribadi ini mungkin menjadikan hubungan antara guru dengan murid menjadi lebih mesra. Guru jenis ini juga akan membentuk satu model cara bertingkah laku dan berfikir. Mereka akan mengawasi, membimbing dan memberi arahan dengan menunjukkan cara-cara melakukan kerja dan menggalakkan

murid untuk membuat pemerhatian dan kemudiannya mencontohi pendekatan yang telah digunakan atau ditunjukkan oleh guru.

Dapatan kajian ini juga mendapati, gaya Fasilitator merupakan gaya pengajaran yang paling tidak digemari oleh guru-guru sekolah ini. Namun dapatan kajian ini ditolak oleh dapatan kajian Juliawati (2006) yang mendapati gaya pengajaran Fasilitator merupakan gaya yang kedua kerap digunakan oleh guru-guru sekolah rendah. Gaya Fasilitator kerap digunakan oleh guru-guru kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap murid-murid sekolah rendah perlu wujud interaksi dua hala yang merupakan ciri gaya pengajaran Fasilitator. Ini termasuklah memandu murid dengan penyoalan, mengawas, membimbing dan memberi arahan melalui soalan-soalan, mempelbagaikan pilihan dan membantu mereka membuat keputusan yang betul. Tujuan utama guru-guru gaya Fasilitator adalah bagi membangunkan keupayaan murid untuk berdikari, berinisiatif dan bertanggungjawab. Menurut Juliawati (2006) guru gaya Fasilitator suka belajar bersama-sama murid dan bertindak sebagai penasihat serta memberi sokongan dan galakan. Sokongan dan galakan guru ini akan memotivasikan murid untuk terus meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini selari dengan kajian Roslind (2003) yang mendapati gaya Fasilitator merupakan gaya pengajaran guru yang kerap digunakan selepas gaya pengajaran Model Personal. Bagaimanapun, hasil dapatan ini juga tidak selari dengan dapatan kajian Vicky (2005) yang mendapati bahawa gaya Fasilitator merupakan gaya yang paling kurang digunakan oleh guru-guru Matematik Tambahan. Dapatan kajian ini berbeza

mungkin disebabkan perbezaan mata pelajaran yang dikaji oleh beliau. Selain itu, banyak faktor yang menyebabkan gaya Fasilitator tidak popular dalam kalangan guru-guru Matematik Tambahan. Antaranya kelemahan gaya Fasilitator yang banyak memakan masa dan mungkin lambat mencapai objektif pelajaran sedangkan guru-guru sering kesuntukan masa menghabiskan sukatan pelajaran. Ini ditambah pula dengan masalah murid terutamanya murid-murid yang agak 'lambat' dalam memahami konsep-konsep rumit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan.

Dapatan kajian penyelidik ini ada kebenarannya jika faktor-faktor seperti lokasi sekolah yang berada di pedalaman, murid-murid luar bandar diambil kira. Justeru itu penyelidik mencadangkan agar kajian akan datang memberi fokus kepada perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar.

## **5.8 Kesimpulan**

Kajian tentang gaya pengajaran guru tahap satu dan tahap dua dapat membantu guru memperbaiki mutu pengajaran guru, manakala murid-murid pula dapat mempelajari setiap subjek dengan baik. Kesimpulan yang dapat dibuat dalam kajian ini ialah

- (1) Guru-guru sekolah rendah mempunyai gaya pengajaran pelbagai, yang mereka sesuaikan dengan situasi pengajaran dan pembelajaran,
- (2) Masalah gaya pengajaran guru di sekolah rendah merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh setiap guru,

- (3) Membawa kesedaran bahawa semua guru samada mengajar di tahap satu atau tahap dua mempunyai peranan yang besar bagi menyemai kecemerlangan akademik murid,
- (4) Kepelbagaian gaya pengajaran guru sekolah rendah merupakan pencetus atau penggerak kepada keberkesanan pencapaian akademik murid ketika di dalam kelas,
- (5) Gaya pengajaran perlu serasi dengan budaya berfikir yang dapat menimbulkan semangat belajar dalam kalangan murid, dan
- (6) Segala usaha dan galakan daripada guru kepada pembelajaran murid harus disokong sepenuhnya daripada semua pihak.

### **5.9 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan**

Berdasarkan hasil kajian ini, berikut adalah beberapa cadangan untuk kajian lanjutan.

- i. Kajian lanjutan perlu melibatkan sampel yang lebih besar untuk mendapatkan kesahan yang lebih tinggi terhadap kajian tersebut.
- ii. Kajian ini diperluaskan dengan menghubungkan kategori gaya pengajaran dengan lokasi penempatan guru samada luar bandar atau bandar

Berdasarkan cadangan yang diberikan di atas, diharapkan para penyelidik akan datang dapat melakukan kajian mereka dengan lebih teliti serta tepat lagi. Selain itu, hasil dapatan juga dapat digunakan dengan lebih meluas.

## RUJUKAN

- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chapman, J.A., Hughes, P. & Williamson, J. (2001). Teachers' perception of classroom competencies over a decade of change. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education* 29(2): 171-184.
- Clive A.J. Dimmock, Allan Walker (2000), *Future school administration: Western and Asian perspectives*. The Chinese University of Hong Kong.
- Chong Lih Shun (2008), *Pelaksanaan pengajaran berasaskan konstruktivisme oleh guru pelatih sains dan matematik atas semasa latihan mengajar*, Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Felder, R.M. & Henriques, E.R. (1995). Learning and teaching styles in foreign and Second language education. *Foreign Language Annals* 28(1): 21-31.
- Grasha, A.F. (1994). A Matter of style: The teacher as a expert, formal authority, personal model, facilitator and Delegator. *College Teaching* 48(1): 21-31.
- Grasha, A.F. (1996). *Teaching with styles: A practical guide to enhance learning by understanding learning and teaching styles*. New York: Alliance Publisher.
- Grasha, A.F. & Hicks, N.Y. (2000). Integrating teaching styles and learning styles with instructional technology. *College Teaching* 48(1): 2-15.
- Juliawati Ibrahim. (2006). *Gaya pengajaran guru bahasa daerah Hulu Langat: Satu Kajian tinjauan*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jidarulaila binti Salleh (2006), *Hubungan gaya pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar bagi matapelajaran perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin, Alor Gajah Melaka*, Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Kramlinger, T. and Huberty, T. Behaviourism Versus Humanism, *Training and Development Journal*, December (1990), 41-45
- Kerlinger, F.N. (1973), *Foundation of behavioural research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Krejcie, R.V and Morgan D.W. Determining sampel size for research education and psychological measurement, (1970), 30, 607-610

- Lim Tzyy Chyun (2007), Hubungan antara pendekatan pengajaran guru dengan pendekatan pembelajaran pelajar matapelajaran kimia tingkatan empat, Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mok Soo Sang (2001), *Psikologi pendidikan untuk kursus diploma perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mosston, M., & Ashworth, S. (1994). *Teaching physical education* (4th ed.). Columbus, OH: Merrill Publishing Company. Physical Education Resources: <http://physicaleducationresources.com/teachingstylesmosstonpe.aspx>
- Noriah Mohd. Ishak, Nor Sakinah Mohamad, Muhammad Hussin, Amla Mohd. Salleh & Nor Kefli Md.Sulong. (1999). Gaya Pertautan, gaya pengajaran dan komitmen terhadap profession perguruan dalam kalangan guru pelatih UKM. *Laporan Akhir Projek G/4/99*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ramlah Jantan (2006), Hubungan antara gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid dengan pencapaian matematik murid-murid sekolah rendah, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Roslind Anak Mawing. (2003). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap Pelajar terhadap Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rosni Zamuddin Shah Sidek (2006), Amalan pengajaran guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan, Johor Bahru mengikut aras kognitif Bloom, UTM
- Ruslin Amir (2008). Stail berfikir, stail pengajaran pensyarah dan stail pembelajaran pelajar. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sturt, G, (2000), Teaching Styles (online). Diperoleh dari WWW: <http://psychology.colchsf.ac.uk/gary.htm>. 30 Julai 2000.
- Teacher Communication Styles Models (2000), Center for Teaching Excellence, St. Edwards University. Diperoleh dari WWW: [http://www.stedwards.edu/cte/communication\\_styles.htm](http://www.stedwards.edu/cte/communication_styles.htm). 30 Julai 2000.

- Tyson, L.L. (1998). Teaching styles as evidenced in early elementary student teachers' behavior and reflection. Ed.D. University of Kentucky. *UMI No. 9922642*.
- Vicky, T.A.L. (2005). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik Tambahan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction*. London: Allyn & Bacon.
- Wee Eng Hoe (2009). *Siri Pendidikan Guru: Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan*. Karisman Publications Sdn Bhd. Shah Alam.
- Wan Mohd. Zahid. (1996). Dasar pendidikan kebangsaan: Ke arah pemantapan dan pelaksanaan dasar pendidikan negara selaras dengan tuntutan Wawasan 2020. *Prosiding Pendidikan Negara Abad ke-21*, hlm. 10-23. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod.(2009). Perbandingan Gaya Pengajaran Guru Bahasa Melayu dan Guru Bahasa Inggeris.*Jurnal Pendidikan Malaysia 34(167 – 92)*
- Zamani b Ibrahim (2007), *Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap bahasa arab*. UKM
- Zahorik, J.A.(1990). Stability and flexibility in teaching. *Teacher and Teaching Education*,6(1): 69-80.



**BORANG KAJI SELIDIK :****TAJUK: PERBANDINGAN GAYA PENGAJARAN GURU****TAHAP SATU DAN GURU TAHAP DUA SEKOLAH RENDAH****BAHAGIAN A: Maklumat Guru***Arahan: Tandakan (/) dalam kotak yang disediakan***A1. Jantina:**1.  Lelaki2.  Perempuan**A2. Subjek Teras / Tahun Mengajar:**

Subjek	B.Melayu	B.Inggeris	Matematik	Sains	Agama
Tahun					

**A3. Opsyen Kelayakan :**1.  Opsyen

3. Nyatakan opsyen sebenar

2.  Bukan Opsyen**A4. Pengalaman Mengajar**1.  kurang dari 10 tahun2.  10 tahun dan keatas

## BAHAGIAN B :

SOAL SELIDIK GAYA PENGAJARAN GURU  
( Diadaptasi dari Model Grasha-Riechmann 1996 )

**1 = sangat tidak setuju**

**2 = agak tidak setuju**

**3 = kurang pasti**

**4 = agak setuju**

**5 = sangat setuju**

Bil		1	2	3	4	5
1	Fakta, konsep, dan prinsip adalah perkara yang paling penting yang pelajar harus perolehi.					
2	Saya menetapkan standard yang tinggi bagi pencapaian pelajar saya.					
3	Apa yang saya kata dan lakukan merupakan model yang boleh diikuti oleh pelajar untuk mempelajari sesuatu.					
4	Matlamat dan kaedah pengajaran saya mengambilkira kepelbagaian gaya belajar pelajar.					
5	Pelajar biasanya menyiapkan kerja kursus secara sendirian dengan sedikit bimbingan daripada saya.					
6	Berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan pelajar sangat penting bagi saya.					
7	Saya berikan pelajar maklum balas negatif jika prestasinya tidak memuaskan.					
8	Kegiatan di kelas dapat mendorong pelajar untuk mengembangkan idea mereka sendiri tentang sesuatu kandungan pengetahuan.					
9	Saya menghabiskan masa untuk berunding dengan pelajar tentang cara meningkatkan prestasi mereka secara individu dan / atau kelompok.					
10	Kegiatan di kelas dapat mendorong pelajar untuk mengembangkan idea mereka sendiri tentang sesuatu kandungan pengetahuan.					
11	Apa yang harus saya katakan tentang topik pengajaran saya adalah penting bagi pelajar untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas terhadap sesuatu perkara .					
12	Pelajar akan mendapati akan piawai dan harapan saya					

	adalah sesuatu yang tegas dan rigid.					
13	Saya biasanya menunjukkan pelajar bagaimana dan apa yang harus dilakukan dalam rangka untuk menguasai isi kandungan pelajaran.					
14	Perbincangan kumpulan kecil digunakan untuk membantu pelajar mengembangkan kemampuan mereka untuk berfikir secara kritis.					
15	Pelajar boleh belajar sendiri dengan pelbagai kaedah pembelajaran sendiri.					
16	Saya mahu pelajar tinggalkan kursus ini dalam keadaan mereka lebih bersedia belajar lebih lanjut dalam perkara ini.					
17	untuk menentukan apa yang pelajar harus belajar dan bagaimana mereka harus mempelajarinya.					
18	Contoh dari pengalaman saya sering digunakan sebagai sumber bahan rujukan.					
19	Saya membimbing kerja-kerja pelajar dengan mengajukan soalan, menerokai pilihan, dan menyarankan cara-cara alternatif untuk menyelesaikan sesuatu tugas.					
20	Mengembangkan kemampuan pelajar untuk berfikir dan bekerja secara berdikari merupakan tujuan penting.					
21	Bersyarah merupakan bahagian penting daripada cara saya mengajar pada setiap sesi kelas.					
22	Saya berikan panduan yang sangat jelas tentang bagaimana saya ingin sesuatu tugas disiapkan.					
23	Saya sering menunjukkan pelajar bagaimana mereka boleh menggunakan pelbagai prinsip dan konsep dalam pembelajaran mereka.					
24	Aktiviti pembelajaran dapat mendorong pelajar untuk mengambil inisiatif dan tanggung jawab dalam pembelajaran mereka.					
25	Pelajar mengambil tanggung jawab untuk mengajar rakan sebahagian dari sesi kelas.					
26	Kepakaran saya biasanya digunakan untuk menyelesaikan perbezaan pendapat tentang sesuatu isu.					
27	Kursus ini memiliki tujuan dan objektif yang khusus yang ingin saya capai.					
28	Pelajar sering menerima komen secara lisan atau bertulis mengenai prestasi mereka.					
29	Saya meminta pandangan pelajar tentang bagaimana dan apa yang akan diajarkan dalam sesuatu kursus.					
30	Pelajar menetapkan sendiri kadar/tempoh i untuk menyelesaikan projek kumpulan.					

31	Pelajar boleh menggambarkan saya sebagai "gudang pengetahuan" yang mengeluarkan suatu fakta, prinsip, dan konsep yang mereka perlukan.					
32	arapan saya untuk apa yang ingin pelajar saya lakukan dalam kelas ini secara jelas ditakrifkan dalam sukatan.					
33	Akhirnya, banyak pelajar mula berfikir seperti saya tentang isi pelajaran yang diajar.					
34	Pelajar boleh membuat pilihan antara aktiviti dalam memenuhi keperluan kursus mereka.					
35	Pendekatan saya untuk mengajar adalah sama dengan seorang pengurus dari sebuah kumpulan kerja yang membahagikan tugas dan tanggungjawabnya kepada bawahan.					
36	Terdapat banyak bahan dalam kursus ini berbanding tempoh masa yang diperuntukkan.					
37	Piawaian dan harapan saya dapat membantu pelajar membina disiplin yang diperlukan untuk belajar.					
38	Pelajar boleh menggambarkan saya sebagai seorang "pelatih" yang bekerja sama dengan seseorang untuk memperbaiki masalah dalam cara mereka berfikir dan bertindak.					
39	Saya memberikan pelajar banyak sokongan peribadi dan dorongan untuk meningkatkan pencapaian dalam kursus ini.					
40	Saya berperanan sebagai sumber rujukan yang tersedia untuk pelajar bila-bila masa mereka memerlukan bantuan.					

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA  
SEMUGA SUKSESS SELALU























































Jadual 3.1 Rumus Krejcie dan Morgan(1970) untuk menentukan saiz sampel kajian.

Population size	Sample size	Population size	Sample size	Population size	Sample size
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380

190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	1000000	384

Jadual 3.1: Sampel kajian yang terdiri daripada guru tahap satu dan dua yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda.

Subjek Teras	Guru Tahap Satu	Guru Tahap Dua	Jumlah
Bahasa Melayu	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Bahasa Inggeris	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Matematik	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Sains	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Agama	3 ( 1,2,3)	3 (4,5,6,)	6
Jumlah	15	15	30

Jadual 3.3 : Kedudukan dan jumlah item dalam Gaya Pengajaran Grasha (1996).

Gaya Pengajaran	Kedudukan item	Bilangan item
Gaya Pakar	1 – 8	8
Gaya Autoriti Formal	9 – 16	8
Gaya Model Personal	17-24	8
Gaya Fasilitator	25 – 32	8
Gaya Delegator	32- 40	8
Jumlah	1 – 40	40

JADUAL 4.1 Taburan peratusan dan kekerapan latar belakang sampel guru kajian

Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
TahapKelas		
Tahap Satu	15	50
Tahap Dua	15	50
Jantina		
Lelaki	17	56.7
Perempuan	13	43.3
Subjek Teras		
Bahasa Melayu	6	20
Bahasa Inggeris	6	20
Matematik	6	20
Sains	6	20
Agama	6	20
Opsyen		
Opsyen	22	73.3
Bukan opsyen	8	26.7
Pengalaman		
Kurang dari 10 tahun	13	43.3
10 tahun dan keatas	17	56.7

Jadual 4.2 Taburan gaya pengajaran guru sekolah rendah

Gaya Pengajaran	Paling Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Paling Tinggi
Gaya Pakar	3 (10.0%)	3 (10.0%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)
Gaya Autoriti	3 (10.0%)	2 (6.7%)	6 (20.0%)	10 (33.3%)	9 (30.0%)
Formal					
Gaya Model	7 (23.3%)	8 (26.7%)	6 (20.0%)	4 (13.3%)	5 (16.7%)
Personal					
Gaya	17 (56.7%)	9 (30.0%)	2 (6.7%)	1 (3.3%)	1 (3.3%)
Fasilitator					
Gaya	0 (0%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)	7 (23.3%)	7 (23.3%)
Delegator					



Jadual 4.3 Keputusan Ujian-t (t-test) gaya pengajaran mengikut tahap kelas yang diajar

Gaya Pengajaran	Tahap Kelas	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	Tahap Satu	15	3.53	1.24	28	0.140	0.780	0.06
	Tahap Dua	15	3.46	1.35				
Autoriti Formal	Tahap Satu	15	3.66	1.29	28	0.000	0.744	0.00
	Tahap Dua	15	3.66	1.29				
Model Personal	Tahap Satu	15	2.53	1.45	28	-0.770	0.711	-0.4
	Tahap Dua	15	2.93	1.38				
Fasilitator	Tahap Satu	15	1.73	1.09	28	0.362	0.793	0.13
	Tahap Dua	15	1.60	0.91				
Delegator	Tahap Satu	15	3.53	1.06	28	0.476	0.476	0.20
	Tahap Dua	15	3.33	1.23				

\*p&lt;0.05

Jadual 4.4 Keputusan Ujian-t ( t-test) gaya pengajaran mengikut jantina

Gaya Pengajaran	Tahap Kelas	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	Lelaki	17	3.47	1.46	28	-0.141	0.196	-0.06
	Wanita	13	3.53	1.05				
Autoriti	Lelaki	17	3.47	1.28	28	-0.967	0.619	-0.45
Formal	Wanita	13	3.92	1.25				
Model	Lelaki	17	2.58	1.46	28	-0.637	0.493	-0.33
Persona	Wanita	13	2.92	1.38				
Fasilitator	Lelaki	17	1.82	1.07	28	0.988	0.580	0.36
	Wanita	13	1.46	0.87				
Delegator	Lelaki	17	3.64	0.99	28	1.148	0.167	0.49
	Wanita	13	3.15	1.28				

\*p&lt;0.05

Jadual 4.5 Keputusan Ujian-t ( t-test) gaya pengajaran mengikut opsyen

Gaya Pengajaran	Opsyen	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	Opsyen	22	3.36	1.36	28	-0.967	0.15	-0.51
	Bukan Opsyen	8	3.87	0.99				
Autorit	Opsyen	22	3.45	1.33	28	-1.556	0.21	-0.79
	Bukan Opsyen	8	4.25	0.88				
Model	Opsyen	22	2.68	1.39	28	-0.326	0.89	-0.19
	Bukan Opsyen	8	2.87	1.55				
Fasilitator	Opsyen	22	1.82	1.09	28	1.407	0.97	0.56
	Bukan Opsyen	8	1.25	0.46				
Delegator	Opsyen	22	3.68	1.12	28	2.102	0.25	0.93
	Bukan Opsyen	8	2.75	0.88				

\*p&lt;0.05

Jadual 4.6 Keputusan Ujian-t (t-test) gaya pengajaran mengikut pengalaman

Gaya Pengajaran	Pengalaman	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Sig.	Beza Min
Pakar	kurang 10 tahun	13	3.15	1.34	28	-1.311	0.835	-0.61
	10 tahun keatas	17	3.76	1.20				
Autoriti Formal	kurang 10 tahun	13	3.53	1.26	28	-0.478	0.944	-0.22
	10 tahun keatas	17	3.76	1.30				
Model Personal	kurang 10 tahun	13	2.69	1.65	28	-0.137	0.031	-0.07
	10 tahun keatas	17	2.76	1.25				
Fasilitator	kurang 10 tahun	13	1.92	1.11	28	1.247	0.857	0.45
	10 tahun keatas	17	1.47	0.87				
Delegator	kurang 10 tahun	13	3.69	1.10	28	1.097	0.854	0.45
	10 tahun keatas	17	3.23	1.14				

\*p&lt;0.05

Jadual 4.7 . Keputusan ujian ANOVA gaya pengajaran mengikut subjek yang diajar

Gaya		Df	Min	Sisihan	F	Sig.
Pengajaran			Piawai			
Pakar	Antara Kumpulan	4	1.667	0.46	1.020	0.416
	Dalam Kumpulan	25	1.633	0.59		
Autoriti	Antara Kumpulan	4	1.000	0.42	0.586	0.676
	Formal	Dalam Kumpulan	25	1.707		
Model	Antara Kumpulan	4	1.717	0.49	0.842	0.512
	Personal	Dalam Kumpulan	25	2.040		
Fasiitator	Antara Kumpulan	4	1.083	0.59	1.113	0.373
		Dalam Kumpulan	25	0.973		
Delegator	Antara Kumpulan	4	1.133	0.38	0.863	0.500
		Dalam Kumpulan	25	1.313		

\*p &lt; 0.05